Saham Tersiar Harga	**7,426,193**	7,634,193
Unit Amanah	-	4,830,918
	7,426,193	12,465,111
Peruntukan rosot nilai pelaburan	-	-
	7,426,193	12,465,111
Nilai pasaran pada 31 Disember		
Saham Tersiar Harga	**15,155,701**	11,253,281
Unit Amanah	-	5,062,330

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Kos Pelaburan		
MAIS Corporation Sdn. Bhd.	**6,885,428**	2,702,516
MAIS Zakat Sdn. Bhd.	**770,507**	770,507
Kolej Universiti Islam Selangor Sdn. Bhd. (KUIS)	**500,000**	500,000
	8,155,935	3,973,023

Senarai kepentingan Majlis dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut :

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti utama
	2012	2011	
i) MAIS Corporation Sdn Bhd *dan syarikat subsidiarinya*	100%	100%	Pelaburan dan pengurusan entiti
• MAIS Construction & Properties Sdn Bhd	100%	100%	Kontraktor dan pengurusan projek dan harta
• MAIS Trading & Services Sdn Bhd *	100%	100%	Perdagangan dan perkhidmatan
• MAIS Information Communication and Technologies (ICT) Sdn Bhd **	100%	100%	Kontraktor dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi dan jalur lebar
• MAIS Development Sdn Bhd ***	100%	100%	Pengurusan dan pembangunan hartanah
• MAIS Healthcare Sdn Bhd *dan syarikat subsidiarinya*	100%	100%	Perkhidmatan kesihatan
• MAIS Dialisis Sdn Bhd	100%	100%	Perkhidmatan kesihatan
ii) MAIS Zakat Sdn. Bhd.	100%	100%	Pengurusan Projek Komersial Asnaf
iii) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. *dan syarikat subsidiarinya*	100%	100%	Institusi pengajian tinggi
• Kuiscell Sdn Bhd	100%	100%	Perkhidmatan Latihan

Nota :
* Dahulu dikenali sebagai MAIS Trading Sdn Bhd
** Dahulu dikenali sebagai MAIS Energy Sdn Bhd
*** Dahulu dikenali sebagai MAIS Services Sdn Bhd

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Saham pada kos	**4,290,958**	4,280,912	-	4,182,912
Bahagian keuntungan / kerugian	**(134,373)**	3,066,305)	-	-
	4,156,585	1,214,607	-	4,182,912
Pembahagian aset bersih dalam Syarikat Bersekutu	**4,156,585**	1,214,607	-	4,182,912

Butir syarikat bersekutu Majlis adalah seperti berikut :

Pegangan Secara Langsung			
Nama Syarikat	**Pegangan Ekuiti**		**Aktiviti utama**
	2012	**2011**	
i) Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	-	47.72%	Perkhidmatan Kesihatan

Pegangan Secara Tidak Langsung			
Nama Syarikat	**Pegangan Ekuiti**		**Aktiviti utama**
	2012	**2011**	
i) MAIS NGV Gas (M) Sdn Bhd	49%	49%	Perdagangan berasaskan gas
ii) Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	48%	-	Perkhidmatan Kesihatan
iii) NFS KMC Technology Sdn Bhd.	30%	-	Teknologi Maklumat

Pegangan saham ekuiti syarikat MAIS NGV Gas (M) Sdn. Bhd. oleh Kumpulan adalah melalui syarikat MAIS Information Communication & Technology (ICT) Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, akaun ini tidak disatukan bersama akaun MAIS Information Communication & Technology (ICT) Sdn.Bhd. bagi mematuhi peruntukan piawaian perakaunan PERS 12 iaitu Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu kerana penyata kewangan syarikat bersekutu ini masih belum diaudit.

Pegangan saham ekuiti Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd. oleh Kumpulan adalah melalui syarikat MAIS Health Care Services Sdn. Bhd.

8. LAIN-LAIN PELABURAN

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Syarikat Permodalan Selangor Berhad	**150,000**	150,000
	150,000	150,000

9. CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Pada awal tahun	(130,995)	(129,347)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan :	-	
- Hartanah, loji dan peralatan	(11,631)	(1,648)
Pelarasan tahun lalu	-	-
Pada akhir tahun	**(142,626)**	(130,995)
Terdiri daripada :		
Aset cukai tertunda	(146,523)	(140,021)
Liabiliti cukai tertinda	3,897	9,026
	(142,626)	(130,995)

10. INVENTORI

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Hartanah Telah Siap	**6,135,200**	17,884,200	**6,135,200**	17,884,200
Buku Perbendaharaan Al-Quran	**254,720**	1,907,442	**-**	-
Barang-barang Di Pusat Perkhidmatan Dialisis	**304,999**	247,462	**-**	-
Barang-barang Runcit (Makanan)	**297,552**	-	**-**	-
	6,992,471	20,039,104	**6,135,200**	17,884,200

11. PENGHUTANG

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Penghutang Perniagaan	**41,433,750**	31,101,447	**3,169,075**	-
Sewa Premis	**2,016,872**	2,230,234	**2,016,872**	2,254,414
Tanah Pesaka	**1,128,294**	1,200,490	**1,128,294**	1,200,490
Pendahuluan Projek	**2,006,171**	2,006,171	**2,006,171**	2,006,171
Pinjaman Kakitangan	**251,401**	196,120	**251,401**	196,120
	44,836,488	36,734,462	**8,571,813**	5,657,195
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	**(3,864,047)**	(2,930,992)	**(2,933,670)**	(2,930,992)
	42,972,441	33,803,470	**5,638,143**	2,726,203

12. PELBAGAI PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Penghutang dan Prabayar	**3,936,662**	4,070,846	**517,131**	2,053,776
Pelbagai Deposit dan Pendahuluan	**961,391**	935,702	**370,880**	485,887
Perbelanjaan Tertahan	**900**	-	**-**	-
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	**(209,542)**	-	**(209,542)**	-
	4,688,411	5,006,548	**678,469**	2,539,663

13. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
MAIS Corporation Sdn. Bhd.	**-**	1,008,000
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.	**4,911,985**	-
	4,911,985	1,008,000

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar.

14. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
MAIS NGV Gas (M) Sdn Bhd	**48,236**	48,236

Pendahuluan kepada syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tiada margin keuntungan dan tiada syarat pembayaran balik yang ditetapkan.

15. PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT & WAKAF

Peruntukan pendahuluan agihan zakat merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak Majlis) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan MAIS Zakat Sdn Bhd bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah diperuntukan tetapi belum dijelaskan (bayar).

Peruntukan pendahuluan Wakaf merupakan baki akaun Agihan Wakaf yang diuruskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) termasuk agihan yang telah diperuntukkan tetapi belum dijelaskan (bayar).

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Pendahuluan kepada LZS	**15,200,938**	-
Pendahuluan kepada MZSB	**653,980**	284,544
Pendahuluan kepada PWS	**319,508**	197,194
	16,174,426	481,738
Pendahuluan kepada LZS	-	(6,540,995)
	-	(6,540,995)

16. QARDUL HASSAN

Pinjaman diberikan oleh Majlis kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) bagi membiayai pembelian Hartanah di SS 14, Shah Alam dan pinjaman ini mempunyai tempoh bayaran balik seperti mana yang telah ditetapkan.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)	-	2,270,964
	-	2,270,964

17. WANG WAKAF KHAS

Wang Wakaf Khas adalah akaun yang didaftarkan dan diuruskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi melaksanakan urusan terimaan dan pembayaran bagi Saham Wakaf Khas dan Istibdal. Wang Wakaf Khas diwakili oleh :

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Tunai Di Bank	**1,554,252**	31,446,602
Pelaburan Mudharabah	**22,000,000**	2,000,000
	23,554,252	33,446,602

18. WANG DALAM PERJALANAN

Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan hasil wakaf yang dikutip oleh pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang belum dipindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Kutipan Zakat oleh LZS	**53,498,795**	40,107,674
Kutipan Hasil Wakaf oleh PWS	**558,908**	142,887
	54,057,703	40,250,561

19. PELABURAN MUDHARABAH

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Mudharabah jangka pendek				
Di Institusi Kewangan Berlesen :				
Kumpulan Wang Zakat	**131,363,891**	107,187,590	**131,363,891**	107,187,590
Kumpulan Wang Baitulmal	**55,857,635**	51,256,418	**55,857,635**	51,256,418
Kumpulan Wang Wakaf	**7,550,000**	4,300,000	**7,550,000**	4,300,000
Kumpulan Wang Amanah	**70,000**	3,490,000	**70,000**	3,490,000
Pelaburan oleh Syarikat SUbsidiari	**4,571,754**	11,049,904	**-**	-
	199,413,280	177,283,912	**194,841,526**	166,234,008

Nota :
Pelaburan Mudharabah Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun pelaburan jangka pendek di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak. Kadar keuntungan pelaburan di antara 2.95% - 3.5% (2011: 2.55% - 3.67%).

20. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

Tunai di tangan dan di bank bagi Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Majlis Agama Islam Selangor	**53,007,341**	56,711,300
Syarikat Subsidiari	**4,789,262**	5,788,469
	57,796,603	62,499,769

Tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis, seperti berikut :

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Akaun Zakat	**41,178,971**	42,302,662
Akaun Baitulmal	**7,203,608**	8,744,413
Akaun Wakaf	**610,360**	2,193,748
Akaun Amanah	**4,006,219**	3,213,033
Akaun Dana Masjid	**183**	249,444
Tunai di Tangan	**8,000**	8,000
	53,007,341	56,711,300

21. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah Amanah yang diwujudkan melalui Bahagian VI, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 serta di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Bulan Kualiti MAIS	-	5,819
Buku Lengkap Ibadah Harian Umat Islam Negeri Selangor	-	45,000
Emolumen Guru Bahasa Arab	**1,635**	327,152
Honororium Penulis Majalah MAIS	-	7,700
Kajian Analisis kes-kes Murtad Negeri	-	2,007
Kad Nikah Pintar	**224,297**	196,242
Majlis Tilawah Al-Quran 1430H/2009M	-	9,000
Masjid Baru Kg. Raja Uda, Klang	-	422,074
Masjid Australian International Islamic College	**462**	490
Projek Kompleks Asrama Pendidikan Anak Asnaf, Kg. Perepat, Klang	-	474,246
Peruntukan Bagi Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PKKI) dan Pusat Pembagunan Sosial (PPS)	**35,785**	58,600
Pembinaan Projek Pembangunan Fakulti Undang-undang dan Kejururawatan	-	643,375
Pembangunan Tanah Seksyen 16, Shah Alam	-	215,767
Rumah Anak Yatim dan Anak Hidayah, Baitul Taqwa	-	100,000
Rapid Test HIV	-	37,938
Sewaan Tanah JAIS	**3,298,286**	3,401,326
SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang	-	49,178
Tabung Sumbangan Anak Yatim	**287,051**	128,649
Tabung Penyelenggaraan *(Singking Fund)*	-	175,986
Tabung Rakyat Palestin	-	13,964
Tabung Bantuan Kemanusiaan Bencana Alam	-	13,493
Tabung Amanah Ar-Riqab	**1,001**	-
Wang Derma Hj. Zainal Abidin Omar & Asiha Mohd	**71,281**	73,522
	3,919,798	6,401,528

22. WAKAF KHAS

Wakaf Khas merupakan sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7, 1999.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Wakaf Khas terdiri daripada :		
i. Saham Wakaf Khas	**21,227,221**	33,414,721
ii. Manfaat Wakaf Khas	**271,318**	219,067
	21,498,539	33,633,788

i. SAHAM WAKAF KHAS

Kutipan Saham Wakaf Khas merupakan kutipan yang dibuat dengan maksud tujuannya yang tertentu. Kutipan ini dibuat berdasarkan permohonan daripada pihak luar kepada pihak MAIS.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Wakaf Selangor - Muamalat	**1,263,539**	-
Masjid Bukit Jelutung	**1,789,937**	12,700,124
Masjid Nurul Iman, Teluk Gadong	**600,321**	340,712
Masjid Dato' Dagang Kampung Jawa	**17,910**	16,400
Masjid At-Taqwa	**1,098**	20,028
Masjid Bukit Sentosa, Rawang	**47,400**	-
Masjid Glenmarie	**4,000,000**	-
Masjid Jamiul Hasaniah	**135,185**	-
Masjid Taman Puncak Jalil	**2,910**	-
Masjid Al-Islah, Sementa	**4,200**	-
KAFA Integrasi	**-**	2,802
Surau At-Taufiqiyyah	**-**	51,105
Surau Al-Ikhwan	**-**	1,060
Surau Saidina Umar Al-Khattab	**2,600**	8,904
Surau Al-Husna	**9,227**	73,497
Surau SMK Bagan Terap	**-**	14,700
Surau SMK Agama Kuala Selangor	**1,810**	1,810
Surau An-Nur, Sunway Kayangan Shah Alam	**37,230**	41,930
Surau Al-Umm	**114,800**	-
SRA Pulau Indah	**1,088,878**	1,282,690
SMK TTDI Jaya	**-**	35,640
SMK Telok Menegon	**21,710**	-
Rumah Amal Limpahan Kasih	**-**	265
Yayasan ABIEDAMI	**960**	960
Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum	**11,664,606**	18,733,484
Kompleks Islam Al I'tisam	**422,900**	88,610
	21,227,221	33,414,721

ii. MANFAAT WAKAF KHAS

Merupakan terimaan hasil yang diperolehi daripada harta wakaf di mana kegunaannya telah ditetapkan berdasarkan niat oleh pewakaf tersebut.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Manfaat Hasil Sewaan	**269,956**	217,705
Manfaat Pelbagai Hasil	**1,362**	1,362
	271,318	219,067

23. ISTIBDAL WAKAF

Istibdal adalah menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya samada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang menurut hukum syarak seperti mana yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7,1999.

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Tanah di Mukim Setapak, Gombak	**349,644**	349,644
Tanah di Teluk Gadong, Klang	**1,354,692**	1,354,693
Tanah di Hulu Klang	**15,683**	129,083
	1,720,019	1,833,420

24. DANA MASJID

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Pelbagai Terimaan	-	249,370
Keuntungan Simpanan Semasa	-	74
	-	249,444

25. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	**8,682,942**	20,045,917	**5,690,029**	15,452,145
Pemiutang Tajaan	**18,300**	157,532	**-**	-
Perbelanjaan Akruan	**24,163,957**	21,882,385	**15,824,326**	11,873,386
Pendapatan Tertunda	**9,054,114**	10,051,765	**-**	-
	41,919,313	52,137,599	**21,514,355**	27,325,531

26. WANG CAGARAN, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Prabayar, Deposit Sewa Premis dan Utiliti	**1,696,908**	1,590,918	**1,696,908**	1,590,918
Depost Jualan Tanah & Premis	**761,977**	998,370	**761,977**	998,370
Cagaran Tender / Jaminan	**78,456**	41,154	**78,456**	41,154
Lain-lain Depost & Pendahuluan	**3,212,527**	904,747	**-**	-
	5,749,868	3,535,189	**2,537,341**	2,630,442

27. PEMBIAYAAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Pembiayaan Jangka Pendek				
Al-Bai Bithaman Ajil (Nota i)	**1,401,849**	1,309,943	**1,401,849**	1,309,943
Al Musyarakah (Nota ii)	**280,000**	480,000	**-**	-
Sewa Beli (Nota iii)	**626,600**	686,057	**-**	-
Lain-lain Pembiayaan	**22,192**	22,192	**-**	-
	2,330,641	2,498,192	**1,401,849**	1,309,943
Pembiayaan Jangka Panjang				
Al-Bai Bithaman Ajil (Nota i)	**737,387**	2,139,235	**737,387**	2,139,235
Al Musyarakah (Nota ii)	**-**	240,000	**-**	-
Sewa Beli (Nota iii)	**636,030**	959,257	**-**	-
Lain-lain Pembiayaan	**254,561**	262,808	**-**	-
	1,627,978	3,601,300	**737,387**	2,139,235

i. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

	MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Jumlah terhutang :		
- Dalam masa 1 tahun	**1,504,160**	1,504,159
- Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun	**752,080**	2,256,240
	2,256,240	3,760,399
Tolak : Caj Pembiayaan Tangguh	**(117,005)**	(311,222)
	2,139,235	3,449,177
Bahagian yang perlu dibayar :		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	**1,401,849**	1,309,943
Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun	**737,387**	2,139,235
	2,139,235	3,449,178

Kadar caj pembiayaan adalah pada 6.8%

ii. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimeterai di antara syarikat subsidiari dengan bank berkaitan dengan perkongsian pembiayaan projek pembangunan hartanah di atas sebidang tanah milik Majlis.

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Bahagian yang perli dibayar		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	**280,000**	480,000
Pembayaran balik selepas 1 tahun	**-**	240,000
	280,000	720,000

iii. PEMBIAYAAN SEWA BELI

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Jumlah terhutang :		
Pemiutang pajakan	**1,641,221**	2,156,604
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	**(378,591)**	(511,290)
	1,262,630	1,645,314
Bahagian yang perlu dibayar :		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	**626,600**	686,057
Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun	**636,030**	959,257
	1,262,630	1,645,314

28. PINJAMAN MUDAH DARI KERAJAAN

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang margin keuntungan. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2009.

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri	**2,366,667**	2,733,334

29. GERAN BERKAITAN ASET

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	**98,000**	477,000
Pelarasan Tahun Lepas oleh Syarikat Subsidiari	**-**	(372,000)
Pelunasan - dipindah pada penyata pendapatan	**(7,000)**	(7,000)
Baki pada 31 Disember	**91,000**	98,000

30. TABUNG BIASISWA REKTOR

Tabung Biasiswa rektor merupakan tabung yang diwujudkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd (KUIS) sebuah syarikat subsidiari Majlis untuk membiayai pelajar asasi yang mengekalkan prestasi purata nilai gred (PNG) tidak kurang dari 3.0.

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	**56,445**	58,245
Tambahan : Peruntukan dan Terimaan Sumbangan	**-**	-
Tolak : Pembiayaan Semasa	**-**	(1,800)
Baki pada 31 Disember	**56,445**	56,445

31. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

(a) Kumpulan Wang Zakat

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
Zakat Fitrah	**18,849,873**	17,975,566
Zakat Tanaman	**2,594,192**	2,214,547
Zakat Perniagaan	**84,925,124**	79,925,920
Zakat Harta	**35,991,556**	32,758,071
Zakat Emas	**2,078,616**	1,308,681
Zakat Ternakan	**30,252**	29,399
Zakat Perak	**43,828**	6,290
Zakat Saham	**7,783,423**	6,809,566
Zakat Simpanan	**30,479,991**	27,820,554
Zakat KWSP	**7,759,884**	6,990,138
Zakat Pendapatan	**860,788,289**	218,265,172
	451,325,028	394,103,904

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Keuntungan Pelaburan Mudharabah	**3,707,062**	1,920,836
Hibah Akaun Simpanan Semasa	**121,633**	100,723
Lebihan Peruntukan Agihan Tahun Sebelum	**1,405,159**	1,773,310
Lain-lain	**726,769**	138,533
	457,285,651	398,037,306
AGIHAN		
Fakir	**44,331,005**	35,495,362
Miskin	**94,851,508**	76,090,320
Amil	**56,415,628**	49,274,778
Muallaf	**23,080,149**	15,518,404
Fisabilillah	**140,471,029**	156,007,510
Ibn Sabil	**1,896,717**	1,245,091
Gharim	**33,735,823**	32,025,057
Riqab	**6,935,823**	7,809,104
	401,717,682	373,465,626
LEBIHAN / (KURANGAN)	**55,567,969**	24,571,680

(b) Kumpulan Wang Baitulmal (Sumber Am)

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Sewaan	**7,372,752**	5,683,089	**7,733,650**	6,033,068
Tebus Harta Pesaka	**1,910,750**	762,679	**1,910,750**	762,679
Pelbagai Hasil Pesaka	**1,599,077**	371,539	**1,599,077**	371,539
Harta Tidak Patuh Syariah	**639,134**	396,781	**639,134**	396,781
Harta Luqatah	**2,545**	2,996	**2,545**	2,996
Harta Diamanahkan & Hutang	**10,868**	12,929	**10,868**	12,929
Wasiat dan Hibah	**46,171**	11,887	**46,171**	11,887
Sijil Halal	**315,200**	53,600	**315,200**	53,600
Sumbangan & Pemberian	**1,489,492**	1,236,075	**1,651,248**	1,236,075
Dividen Pelaburan	**784,697**	269,924	**934,697**	269,924
Keuntungan Pelaburan Mudharabah	**1,951,761**	1,590,768	**1,951,761**	1,590,768
Hibah Akaun Simpanan Semasa	**16,037**	45,627	**16,037**	45,627
	16,138,484	10,437,895	**16,811,138**	10,787,873
LAIN-LAIN PENDAPATAN				
Keuntungan dari Jualan Hartanah	**6,340,752**	3,700,000	**6,340,752**	3,700,000
Hasil Projek Usahasama	**5,882,724**	-	**5,882,724**	-
Pelbagai Pendapatan	**3,480,301**	1,127,288	**645,243**	1,127,288
	31,842,261	15,265,183	**29,679,857**	15,615,161

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
PERBELANJAAN				
Emolumen	**6,381,282**	5,572,232	**6,381,282**	5,572,233
Bekalan & Perkhidmatan	**714,127**	610,649	**714,127**	610,649
Bekalan Bahan & Lain-lain	**400,951**	345,987	**400,951**	367,973
Penyelenggaraan dan Pembaikan	**1,034,342**	674,930	**1,034,342**	1,139,701
Perkhidmatan Ikhtisas & Honororium	**1,684,436**	1,555,585	**2,151,959**	1,562,975
Sumbangan, Pemberian & Bayaran Tetap	**6,638,311**	2,410,879	**6,638,311**	2,410,879
Perbelanjaan Lain	**89,201**	171,430	**89,201**	171,430
Kenaan dan Caj Perkhidmatan	**196,564**	449,179	**196,564**	449,179
Sustnilai Aset Tetap	**1,788,907**	1,629,093	**1,845,612**	1,646,720
Hutang Ragu dan Hapus Kira	**260,198**	266,947	**260,198**	266,947
	19,188,319	13,686,911	**19,712,547**	14,198,685
LEBIHAN / (KURANGAN)	**12,653,942**	1,578,272	**9,967,310**	1,416,476

(c) Kumpulan Wang Wakaf

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2012	2011
	RM	RM
PENDAPATAN		
Saham Wakaf Selangor*	**4,076,055**	2,007,581
Pelbagai Pendapatan Wakaf	**7,131**	4,630
Sewaan Premis Wakaf	**209,785**	362,650
Keuntungan Pelaburan Mudharabah	**166,351**	31,833
Hibah Akaun Simpanan Semasa	**39,009**	59,165
	4,498,331	2,465,859
PERBELANJAAN		
Bekalan & Perkhidmatan	**4,272**	13,267
Bekalan Bahan & Lain-lain	**6,476**	30,424
Penyelenggaraan dan Pembaikan	**116,993**	90,390
Perkhidmatan Ikhtisas & Honororium	**32,444**	100,314
Sumbangan, Pemberian & Bayaran Tetap	**262,893**	302,648
Perbelanjaan Lain	**24,747**	23,912
Susutnilai Aset Tetap	**219,027**	133,246
Hutang Ragu & Hapus Kira	**47,250**	59,894
	714,102	754,095
LEBIHAN (KURANGAN)	**3,784,229**	1,711,764

* Saham Wakaf Selangor (SWS) adalah satu cara berwakaf melalui wang tunai iaitu dengan membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh Majlis sebagai pemegang amanah dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selama-lamanya dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan ummah.

(d) Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari / Bersekutu

Pendapatan dan perbelanjaan operasi Syarikat Subsidiari adalah perolehan dan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat subsidiari Majlis, urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dan Majlis telah dihapuskan semasa penyatuan.

	KUMPULAN	
	2012	2011
	RM	RM
Pendapatan Operasi	**110,638,399**	63,426,050
(-) : Kos Langsung	**(92,765,073)**	(62,430,493)
Untung Kasar	**17,873,326**	995,557
Lain-lain Pendapatan	**14,405,712**	17,714,625
	32,279,038	18,710,182
(-) : Belanja Pentadbiran dan Operasi	**(38,691,081)**	(28,037,312)
Keuntungan dari Operasi	**(6,412,043)**	(9,327,131)
(-) : Kos Kewangan	**(457,275)**	(296,494)
Keuntungan Syarikat	**(6,869,318)**	(9,623,625)
(-) : Pembahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu	**(178,404)**	234,582
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	**(7,047,722)**	(9,389,043)
(-) : Cukai	**(1,198,724)**	(574,597)
(-) : Zakat	**(53,563)**	(28,000)
Keuntungan Bersih Tahun Semasa	**(8,300,009)**	(9,991,640)

32. CUKAI

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Cukai tahun Semasa	**1,198,724**	574,597	-	-

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut :

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Lebihan sebelum cukai	**64,958,418**	18,472,673	**69,319,508**	27,699,920
Cukai pada kadar 20% (2011 : 20%) ke atas RM500,000 (2011 : RM500,000) yang pertama bagi pendapatan yang dikenakan cukai	**-**	466,169	**-**	-
Cukai pada kadar 25% (2011 : 25%) ke atas baki pendapatan yang dikenakan cukai	**(1,611,013)**	(2,826,630)	**-**	-
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam menentukan keuntungan bercukai	**5,157,813**	2,030,243	**-**	-
Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dkenakan cukai	**(3,264,864)**	(3,000,000)	**-**	-
Cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	**856,402**	3,908,059	**-**	-
Kekurangan / lebih peruntukan pada tahun-tahun lepas	**104,417**	-	**-**	-
Cukai tertunda dilupuskan	**-**	(3,244)	**-**	-
Perkongsian cukai dari syarikat Bersekutu	**(44,031)**	-	**-**	-
	1,198,724	574,597	**-**	-

33. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul adalah melibatkan perkara seperti berikut :

	Baki Pada Awal Tahun	Pelarasan Tahun Lepas	Baki Selepas Pelarasan
	RM	RM	RM
KUMPULAN			
Majlis Agama Islam Selangor	**341,573,839**	-	**341,573,839**
Kumpulan dan Syarikat Subsidiari	**33,415,633**	231,356	**33,646,989**
	374,989,472	231,356	**375,220,828**

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Kesan ke atas keuntungan / (kerugian) terkumpul				
Pada 1 Januari seperti yang dinyatakan sebelumnya	**374,989,472**	357,483,702	**341,573,839**	314,107,257
Kesan ke atas kesilapan pada tahun-tahun sebelumnya	**231,356**	(364,306)	**-**	(233,338)
Pada 1 Januari selepas dinyatakan semula	**375,220,828**	357,119,396	**341,573,839**	313,873,919

Angka perbandingan bagi perkara berikut pada 31 Disember 2011 telah dinyatakan semula :

	Sebelum Pelarasan	Pelarasan	Selepas Pelarasan
	RM	RM	RM
KUMPULAN			
Hartanah, Loji dan Peralatan	99,728,316	**(1)**	99,728,315
Cukai Tertunda	-	**140,021**	140,021
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	1,214,607	**231,247**	1,445,854
Pelbagai Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	5,006,548	**(88,087)**	4,918,461
Tunai Di Tangan dan Bank	62,499,769	**(51,824)**	62,447,945
		231,356	

34. TUNAI DAN SETARAAN TUNAI BERSIH

	KUMPULAN		MAIS	
	2012	2011	2012	2010
	RM	RM	RM	RM
Wang Wakaf Khas	**23,554,252**	33,446,602	**23,554,252**	33,446,602
Wang Dalam Perjalanan	**54,057,703**	40,250,561	**54,057,703**	40,250,561
Pelaburan Mudharabah	**199,413,280**	177,283,912	**194,841,526**	166,234,008
Tunai di Tangan dan di Bank	**57,796,603**	62,499,769	**53,007,341**	56,711,300
	334,821,838	313,480,844	**325,460,822**	296,642,471

35. LIABILITI LUAR JANGKA

MAIS

Merupakan jaminan yang diberikan oleh Majlis kepada pihak ketiga untuk syarikat subsidiari iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkaitan Pembangunan Kediaman Pelajar dan Pusat Pelajar, KUIS secara 'Build, operate and transfer (BOT)' dan berlaku sekiranya syarikat subsidiari gagal mematuhi terma dan syarat termaktub dalam perjanjian berkaitan.

Peruntukan tidak diperlukan berhubungan dengan perkara ini, kerana kemungkinan aliran keluar sumber-sumber tidak diperlukan untuk menjelaskan liabiliti tersebut. Apabila berlaku pertukaran kemungkinan di dalam aliran keluar sumber ekonomi, dan aliran keluar adalah berkemungkinan, ia akan diiktiraf sebagai peruntukan.

KUMPULAN

Pada 31 Disember 2012, syarikat subsidiari (MAIS Corporation Sdn Bhd.) mempunyai liabiliti luar jangka atas tuntutan yang dibuat oleh kontraktor yang menjalankan projek dalam salah sebuah anak syarikat. MAIS Corporation Sdn Bhd masih dalam proses membuat rayuan setelah mahkamah memutuskan MAIS Corporation perlu membuat bayaran berjumlah RM 1,414,960 termasuk faedah 4% setahun. Sejumlah RM 611,075 telah direkodkan sebagai liabiliti semasa. Liabiliti luar jangka yang belum direkodkan adalah berjumlah RM 803,885.

36. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi Penyata Kewangan yang disatukan antara Majlis dan syarikat subsidiari dalam kumpulan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

	KUMPULAN	
	Dinyatakan Semula	Dinyatakan Sebelumnya
	RM	RM
Lembaran Imbangan		
LIABILTI SEMASA		
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	52,137,599	53,085,848
Pembiayaan	2,498,192	-
Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil	-	1,309,943
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pembiayaan	3,601,300	-
Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil	-	2,139,235
Pembiayaan Al Musyarakah	-	480,000
Sewa Beli Jangka Panjang	-	1,222,065

Laporan Aktiviti

LAPORAN TAHUNAN 2011 & 2012

01 JANUARI

Shah Alam - DYMM Sultan Selangor telah sudi hadir mencemar duli mengurniakan watikah pelantikan kepada Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YDH DCP Dato' haji Tun Hisan bin Dato' Haji Tun Hamzah sebagai Ahli MAIS bertempat di Bilik Singgahsana, Istana Bukit Kayangan, Shah Alam. Pelantikan ini dibuat mengikut Seksyen 11 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan:

"Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

(a) seorang Pengerusi;
(b) seorang Timbalan Pengerusi;
(c) lima orang anggota atas nama jawatan yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut :

i. Setiausaha Kerajaan Negeri;
ii. Penasihat Undang-Undang Negeri;
iii. Pegawai Kewangan Negeri;
iv. Mufti;
v. Ketua Polis Negeri; dan

(d) tidak lebih daripada lapan anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam hukum syarak"

Dalam majlis yang sama, DYMM Sultan Selangor turut memperkenan pelantikan Tuan Haji Marzuki bin Hussin selaku Pengarah JAIS dan sekaligus sebagai Setiausaha MAIS sebagaimana menurut seksyen 16 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Pengarah JAIS hendaklah menjadi Setiausaha MAIS dan hendaklah juga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan pentadbir MAIS serta hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan MAIS.

14 JANUARI

Tahun 2010 telah melabuhkan tirainya, kini tahun 2011 muncul dengan semangat dan azam yang baru buat kakitangan MAIS supaya menjadikan tahun baru ini sebagai tahun yang lebih bermakna untuk mencapai kecemerlangan. Sempena tahun baru 2011 dan Hijrah 1432, satu majlis perjumpaan Pengerusi MAIS dengan pegawai dan kakitangan telah diadakan di Dewan Seminar, Masjid Negeri Shah Alam lalu yang dikelolakan oleh Bahagian Perhubungan Awam.

Majlis disempurnakan dengan Perutusan Tahun Baru oleh Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa. Dalam ucapannya, Pengerusi MAIS menegaskan kepada semua warga kerja MAIS, serta anak-anak syarikat seperti Lembaga Zakat Selangor dan KUIS termasuk JAIS, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Mufti perlu memikirkan ke arah lebih ke hadapan untuk bersama-sama menggapai misi murni ke arah membangunkan ummah, mengharap keredhaan Allah di samping melaksanakan fungsi masing-masing. Selain itu, beliau menyeru seluruh warga MAIS untuk lebih berdaya saing dalam melaksanakan tugas harian.

Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Selangor, Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Dato' Mufti Selangor, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Timbalan Setiausaha MAIS, Pegawai Tadbir Agama Daerah-daerah dan Pegawai-pegawai dan kakitangan MAIS seramai 200 orang.

Pada majlis yang sama turut diadakan pelancaran pelan transformasi MAIS dan penyampaian Sijil Akrab yang disempurnakan oleh Pengerusi MAIS. Turut diadakan majlis serah tugas Setiausaha MAIS daripada mantan Setiausaha MAIS iaitu Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi kepada Tuan Haji Marzuki bin Hussin, Setiausaha MAIS merangkap Pengarah JAIS yang baru.



15 JANUARI

Laman web Kelab Sukan Kebajikan (KSK) MAIS telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS pada Hari Keluarga MAIS 2011 yang diadakan di Padang Kemerdekaan anjuran Kelab Sukan Kebajikan (KSK) MAIS pada 15 Januari yang lalu.

Laman web tersebut merupakan salah satu langkah alternatif buat ahli Kelab Kebajikan Sukan (KSK) untuk mengetahui segala aktiviti dan program yang diadakan selain mendapatkan maklumat terkini kegiatan yang akan dirancang. Laman web (KSK) kini boleh dilayari menerusi pautan laman web MAIS dan akan dikemaskini dari masa ke semasa.

Kelab Sukan Kebajikan (KSK) MAIS telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2006. Keahliannya terdiri daripada semua kakitangan MAIS yang dikenakan yuran keahlian mengikut Kumpulan Pengurusan dan Profesional (RM5.00), Kumpulan Sokongan I (RM5.00) dan Kumpulan Sokongan II (RM3.00).

Sementara itu, di Hari Keluarga MAIS 2011, program tersebut dirasmikan oleh Pengerusi MAIS, bertujuan mengeratkan silaturrahim kakitangan dan ahli keluarga sekaligus mengukuhkan hubungan kekeluargaan sesama pegawai-pegawai dan kakitangan MAIS. Selain bekerjasama dalam kumpulan, ia juga dapat memupuk semangat berpasukan dan setiakawan bersama ahli keluarga kakitangan MAIS.

Pelbagai aktiviti menarik yang diatur oleh Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan Kebajikan (KSK) MAIS antaranya ialah senamrobik dan acara sukan seperti bola kampung, hidung power, bola kepit, lari dalam gelung, abangku superhero, tiup man belon dan cabutan bertuah.

Turut hadir memeriahkan Hari Keluarga MAIS 2011 ini ialah Y.Bhg Datuk Sarip bin Hamid, Ahli MAIS, Tuan Haji Marzuki bin Hussin, Setiausaha MAIS merangkap Pengarah JAIS, dan Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS.

02 FEBRUARI

11 FEBRUARI

Bagi mengingati perjuangan Nabi Muhammad S.A.W, satu ceramah agama sempena sambutan Maulidur Rasul 1432H telah diadakan di Bilik Perundangan Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 11 Februari 2011 yang lalu anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MAIS.

Ceramah agama yang diadakan selama dua jam ini dihadiri oleh pegawai dan kakitangan MAIS yang antara lain mewujudkan kesedaran mengenai perjalanan kehidupan Rasulullah (S.A.W). Ceramah agama ini disampaikan oleh Ustaz Nazmi bin Abd Karim, Pendakwah bebas.

15 FEBRUARI

Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Selangor 1432H yang berlangsung di Stadium Melawati, Seksyen 13 disambut penuh kesyukuran, tanda kegembiraan di atas ulang tahun kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang lalu.Majlis yang berlangsung dalam suasana meriah itu disertai oleh 127 kontinjen terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan pertubuhan bukan kerajaan berarak sambil berselawat dengan membawa kain rentang yang memuji-muji Rasulullah (S.A.W) daripada Stadium Mini menuju ke Stadium Melawati seawal pukul 8.00 pagi.



Pada tahun ini, MAIS mengambil bahagian dengan melibatkan kontinjen wanita seramai 48 orang menyertai perarakan diketuai oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor bersama Dif-Dif Kenamaan. Turut menyertai perarakan tersebut, Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS, Tuan Haji Marzuki bin Hussin, Setiausaha MAIS dan Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS.Selepas perarakan, orang ramai dihiburkan oleh pengisian berunsur agama dan persembahan selawat dan nasyid. Perasmian sambutan itu disempurnakan oleh Tengku Panglima Diraja Selangor , Tengku Sulaiman Shah yang mewakili Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Sempena sambutan itu, lima anugerah khas diberikan kepada individu terpilih iaitu, Anugerah Saidina Ali diberikan kepada Siti Nadhira Shafei, Profesor Madya Dr. Harlina Halizah Siraj@Ramli (Anugerah Saiditina Khatijah), Tan Sri Hashim bin Meon (Anugerah Umar Abdul Aziz), Dr. Musa Fathullah Harun (Anugerah Imam Al-Ghazali) manakala Anugerah Khalid Al-Khalid diterima oleh Mohd Nasir Abd Ghani. Turut menerima penghargaan ialah pemenang kontinjen perarakan terbaik serta sepanduk perarakan terbaik daripada pelbagai kategori.

18 - 20 FEBRUARI

MAIS telah diundang untuk membuka kaunter pameran Saham Wakaf Selangor dan Pemulihan Riqab oleh Bahagian Dakwah JAIS dalam program pameran minggu Du'at sempena bulan dakwah negeri Selangor yang diadakan di Plaza Alam Sentral yang lalu.

Pameran yang berlangsung selama tiga hari itu, memberi peluang kepada pengunjung yang datang untuk mengetahui perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS antaranya ialah Saham Wakaf Selangor, Wang Tidak Patuh Syariah, Wasiat, Premis MAIS untuk disewa dan pemurniaan akidah serta perlindungan wanita.

Pembukaan kaunter pameran ini melibatkan Bahagian MAL melalui Seksyen Saham Wakaf Selangor dengan kerjasama Unit Wasiat dan Amanah serta Unit Perhubungan Awam, MAIS. Turut serta dalam pameran ini ialah Bahagian Perancang Ekonomi dan Bahagian Pemulihan Ar-Riqab.

Dalam pada itu, turut diadakan jualan buku terbaru terbitan MAIS berjudul "Sifat Solat Nabi Mengikut Mazhab Shafie", hasil tulisan Ustaz Muhamad Bin Abdullah. Orang ramai yang ingin mendapatkan buku tersebut bolehlah menghubungi Bahagian Perancang Ekonomi MAIS di talian 03-55143400 sambungan 2187.

03 MAC

10 MAC

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah sudi mencemar duli merasmikan ibu pejabat baru Lembaga Zakat Selangor (MAIS) iaitu anak syarikat MAIS yang terletak di Presint Alami, Seksyen 13 yang lalu. Ibu pejabat baru ini mampu memberikan keselesaan kepada masyarakat di negeri Selangor bagi menunaikan kewajipan berzakat. Selain itu juga, perkhidmatan yang disediakan termasuklah kaunter perkhidmatan kutipan dan agihan zakat yang lebih luas dan mesra pelanggan.

Sementara itu dalam majlis yang sama, Sultan Selangor turut berkenan menerima pembayaran zakat perniagaan Lembaga Tabung Haji (LTH) bagi negeri Selangor berjumlah RM7.2 juta. Cek zakat tersebut disampaikan oleh Datuk Paduka Ismee Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif LTH.

Zakat yang dibayar adalah bagi tahun kewangan 2010 dan merupakan jumlah yang tertinggi dibayar oleh LTH berbanding negeri-negeri lain dan merupakan jumlah zakat yang tertinggi diterima LZS setakat ini.

Sementara itu, seramai empat individu serta sebuah surau menerima bantuan zakat berjumlah RM164,543.00. Bantuan yang disampaikan oleh Sultan Selangor itu termasuklah bagi pembinaan surau baru kepada Surau Al-Malikus Soleh berjumlah RM50 ribu, bantuan pembinaan rumah baru bernilai RM38 ribu kepada Jumairi Lehan serta bantuan pendidikan kepada Mohd Faisol Mustafa sebanyak RM18,223.

Dua individu lagi yang menerima bantuan perubatan iaitu Zanariah Md Ali yang menerima RM30 ribu bagi rawatan kanser payu dara dan Rozie Rehmatullah sebanyak RM28,320 bagi rawatan dialisis.

Turut hadir dalam majlis perasmian ini, Dato' Menteri Besar Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pengerusi MAIS serta Pengerusi LZS.

29 MAC

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah melawat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menjalinkan kerjasama di antara dua buah jabatan. Jalinan kerjasama ini penting bagi melancarkan segala urusan rasmi terutamanya yang melibatkan dokumentasi berkaitan MAIS dan JPN.

Rombongan MAIS diketuai oleh Cik Nurhani Salwa binti Jamaluddin, Penasihat Undang-Undang MAIS dan tidak ketinggalan turut serta dalam lawatan ini ialah para panel peguam MAIS. Rombongan MAIS disambut mesra oleh Nik Nurashikin binti Nik Mansor, Timbalan Pengarah JPN serta pegawai-pegawai kanan JPN dari bahagian-bahagian berkaitan. Dalam perjumpaan, MAIS dan JPN bertukar-tukar pandangan berhubung kes-kes yang melibatkan dokumentasi mualaf, data-data gunasama dan turut dibincangkan bagaimana memperkasakan lagi hubungan dan peranan serta tanggungjawab jabatan masing-masing dalam melicinkan lagi urusan kerja seharian.



31 MAC

MAIS telah menerima kunjungan dari Cawangan Kebajikan Saudara Baru, Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang diketuai oleh Ustazah Naura Aza binti Md Zain, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Dakwah, Cawangan Saudara Baru. Delegasi seramai 11 orang kakitangan dari JAWI disambut mesra oleh Ustaz Suhaimi bin Ismail, Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Insan, MAIS dan pegawai-pegawai MAIS, JAIS yang lain. Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin dan bertukar-tukar pandangan berkaitan proses pengislaman dan pendaftaran masuk Islam golongan saudara baru khususnya di negeri Selangor. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan diadakan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara JAWI dan MAIS.



04 APRIL

14 APRIL

Seramai 4 orang kakitangan dari Bahagian Kewangan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengadakan lawatan ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang lalu, bertempat di Bilik Kualiti di Bangunan Sultan Idris Shah. Lawatan ini diketuai oleh Encik Razali bin Suparlan, Akauntan, Bahagian Kewangan, MAIWP bertujuan membuat penelitian terhadap proses terimaan yang dilaksanakan di MAIS di samping melihat sistem e-mais sebagai rujukan dalam mengemaskini sistem penerimaan MAIWP. Penerangan berkaitan sistem penerimaan MAIS disampaikan oleh Puan Noor Izzati binti Sholihin, Penolong Akauntan, Bahagian Baitulmal MAIS, manakala taklimat berkaitan sistem e-mais disampaikan oleh Encik Shah Zihan bin Saharuddin, Pegawai Teknologi Maklumat MAIS. Turut hadir dalam perjumpaan ini ialah Akauntan, Unit Operasi dan Kawalan, Bahagian Baitulmal dan Pegawai Perhubungan Awam, MAIS. Di penghujung majlis, kedua-dua pihak saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenangan akan terjalinnya hubungan di antara dua institusi agama.

15 APRIL

Bagi memastikan MAIS melahirkan ahli AKRAB iaitu Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam yang berkaliber, maka satu lawatan ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dianjurkan. Tujuan lawatan kerja ini diadakan ialah untuk menambahbaik tahap pemikiran, kecekapan dan kemahiran Ahli AKRAB dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh MAIS. Rombongan MAIS diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS bersama ahli-ahli AKRAB. Rombongan MAIS diberi takimat berkaitan perjalanan AKRAB DBKL oleh Encik Khalid bin Zakaria, Timbalan Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia DBKL. Pertemuan selama hampir 3 jam ini memberi banyak pengetahuan kepada rombongan MAIS dari segi struktur jawatankuasa AKRAB, perancangan program dan kerjasama yang dijalin oleh AKRAB DBKL dengan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan khidmat kaunseling yang diberikan kepada ahli lebih berkesan. Harapan MAIS, semoga lawatan ini menjadi pencetus ke arah melahirkan ahli AKRAB yang dapat membantu membentuk warga kerja MAIS yang cemerlang.

APRIL

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) merupakan salah satu anak syarikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang mula beroperasi sepenuhnya baru-baru ini di pejabat Bangunan Sultan Idris Shah, Tingkat 10, Menara Selatan.

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mula diisytihar penubuhannya pada 11 Januari 2011 berdasarkan keputusan mesyuarat MAIS Bil 4/2010 dan perintah Perbadanan Wakaf Selangor 2010. Sejajar dengan pemerkasaan MAIS pada 21 Mac 2005 yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor, maka menjadi salah satu matlamat operasi dan pengurusan MAIS untuk melaksanakan perancangan pembangunan hartanah yang berdaya maju terutama tanah-tanah wakaf di negeri Selangor.

Objektif penubuhan PWS adalah untuk mengembali dan mengembangkan budaya berwakaf di kalangan umat Islam, menggalakkan amalan berwakaf harta alih dan tidak alih, membangun dan memajukan hartanah wakaf sedia ada dan baru dengan projek yang berdaya maju dari segi ekonomi dan sosial, menggunakan hartanah wakaf dan manfaatnya secara optimim dan berkesan, memenuhi niat dan hasrat pewakaf serta memastikan hartanah wakaf tidak terbiar dan lupus.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) kini mempunyai lima anak syarikat iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS), Kumpulan MAIS Corporation (KMC), Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS), MAIS Zakat Sdn. Bhd (MZS), dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).



05 MEI

6 MEI

MAIS telah mengadakan sambutan Bulan Inovasi pada tahun 2011 ini. Sempena sambutan Bulan Inovasi ini, satu Majlis Perasmian Bulan Inovasi 2011 telah diadakan di Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang lalu. Majlis perasmian disempurnakan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Setiausaha MAIS merangkap Pengarah Bulan Inovasi MAIS 2011, Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin dan Ketua Penolong Setiausaha Sektor Ekonomi dan Sektor Pembangunan Organisasi.

Sambutan Bulan Inovasi MAIS yang sebelum ini adalah Bulan Kualiti MAIS merupakan aktiviti dalam kalendar MAIS setiap tahun yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu kerja melalui budaya kerja serta membentuk kemahiran kepimpinan dan membentuk budaya kerja cemerlang melalui pembentukan spiritual berteraskan Al-Quran dan Sunnah.

Pelbagai agenda menarik dirangka sepanjang Bulan Inovasi ini yang akan berlangsung antaranya, lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Subang Jaya (19 Mei), Majlis Bandaraya Shah Alam (24 Mei), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (25 Mei). Selain itu, program tautan ukhwah untuk pegawai dan kakitangan MAIS turut diadakan di Janda Baik, Pahang (27-29 Mei) manakala program Hari Mesra Pelanggan MAIS dan Anak Syarikat adalah program terakhir bagi Bulan Inovasi 2011 (11-12 Jun).



13 MEI

MAIS dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia , Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menganjurkan majlis bacaan Yaasin dan Tahlil sempena Hari Memperingati AIDS Sedunia di Masjid Negeri yang lalu.

Program yang bertemakan "Menyentuh Kehidupan" ini bertujuan mempertingkatkan kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat mengenai HIV/AIDS serta mengingati pesakit yang telah meninggal dunia akibat jangkitan HIV/AIDS. Selain itu, program ini juga turut menyumbang kepada usaha bagi membantu dan mendekati serta memberikan kesedaran kepada golongan asnaf Ar-Riqab khasnya di negeri Selangor. Sementara itu, dalam majlis yang sama turut diadakan ceramah dan tazkirah berkaitan penerangan HIV/AIDS dan penyampaian Anugerah Tokoh Pemulihan Ar-Riqab Negeri Selangor kepada Prof. Madya Dr. Haji Jahid bin Sidek, Penasihat Persatuan Bina Budi Malaysia. Selain itu, sebanyak 13 buah rumah pemulihan yang dikendalikan di bawah MAIS menerima bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Antara rumah pemulihan yang menerima bantuan ialah PROKIM, Baitul Islah Perkid Hulu Langat dan Baitul Islah Perkid Shah Alam. Bantuan yang diberikan kepada 13 buah rumah ini berjumlah antara RM20 ribu sehingga RM30 ribu setiap rumah melalui peruntukkan di bawah asnaf Riqab. Majlis ini dirasmikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Turut hadir Dato' Mohd Zaman Khan@Hassan bin Rahim Khan, Presiden Malaysian AIDS Council (MAC) dan Tuan Haji Othman bin Mustapha, Pengarah JAKIM.

23 MEI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan bantuan berjumlah RM217 ribu kepada 53 mangsa tanah runtuh dan Rumah Kebajikan Hidayah Madrasah Al-Taqwa di sini hari ini. Daripada jumlah itu, sebanyak RM100 ribu disalurkan kepada Rumah Kebajikan Hidayah Madrasah Al-Taqwa, RM5,000 setiap seorang kepada 16 waris mangsa yang terkorban dan RM1,000 setiap seorang kepada 37 mangsa yang terselamat. Kesemua bantuan adalah berjumlah RM 217 ribu. DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaian bantuan itu kepada penerima bantuan dan seterusnya Baginda mencemar duli ke Hospital Ampang bagi melawat mangsa yang sedang mendapatkan rawatan di sana. Pihak MAIS dan LZS mengucapkan takziah kepada mangsa tanah runtuh ini dan berharap dengan bantuan yang dihulurkan dapat meringankan bebanan yang sedang mereka hadapi.

24 MEI

Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan MAIS dan anak syarikat Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kumpulan MAIS Corporation (KMC) telah menyertai lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang lalu. Lawatan kerja ini bersempena Bulan Inovasi MAIS yang telah dirasmikan oleh Pengerusi MAIS pada 6 Mei yang lalu. Rombongan MAIS diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS disambut baik oleh wakil MBSA iaitu Puan Wan Suraya binti Sahabaludin, Pegawai Bahagian Latihan dan Kualiti serta beberapa wakil yang lain. Lawatan kerja ini bertujuan menambah pengetahuan dan rujukan berkaitan sistem amalan 5S iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal sebagai panduan untuk dilaksanakan di MAIS. Di antara agenda perbincangan adalah pengurusan amalan 5S, aktiviti-aktiviti program dan pelaksanaan.

24 MEI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima peruntukan berjumlah RM17.9 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi bayaran elaun guru kelas A-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), imam dan guru takmir di negeri Selangor yang diadakan di Istana Bukit Kayangan yang lalu. Bantuan tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada DYMM Sultan Selangor sambil disaksikan oleh Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa dan Setiausaha MAIS merangkap Pengarah JAIS, Tuan Haji Marzuki bin Hussin. Dalam pada itu, Datuk Seri Noh berkata, peruntukan itu adalah bayaran kepada semua guru Kafa, imam dan guru takmir di negeri Selangor bagi setengah tahun pertama mulai Januari hingga Jun tahun ini. Beliau berkata, setiap guru Kafa menerima RM1,300 sebulan dengan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan RM800 dan RM500 dari Kerajaan Negeri manakala Ketua Guru Kafa menerima RM1,400 iaitu RM800 (Kerajaan Persekutuan) dan RM600 (Kerajaan Negeri). "Setakat ini Selangor mempunyai 6,100 orang guru Kafa, 648 orang imam, dan 142 orang guru takmir yang menjalankan tanggungjawab mereka di negeri ini," katanya lagi dalam sidang media selepas majlis tersebut. Hadir sama pada majlis ini ialah Ketua Pengarah JAKIM, Timbalan Mufti Selangor dan Timbalan Setiausaha MAIS.

27 – 29 MEI

Sambutan Bulan Inovasi MAIS 2011 menyajikan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah Program Tautan Ukhwah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang diadakan di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, selama 3 hari 2 malam. Program ini merupakan salah satu program Bulan Inovasi MAIS pada tahun 2011. Pewujudan Bulan Inovasi MAIS adalah kesinambungan Program Minggu Kualiti yang bermula pada tahun 2007 hingga kini yang antara lain bertujuan memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti dalam MAIS. Di samping itu juga bertujuan memberi pengiktirafan dan menjana dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha-usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti. Sementara itu, dalam Program Tautan Ukhwah MAIS disempurnakan perasmiannya oleh Ustaz Abd Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS manakala majlis penutup disempurnakan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Program yang disertai oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS seramai 200 orang ini dilibatkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah ceramah motivasi, sukaneka, persembahan kumpulan, qiamullail dan amazing race. Aktiviti sedemikian ini dapat memupuk semangat kerjasama dalam pasukan di samping merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama mereka.



06 JUN

2 – 5 JUN

Bagi mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS kepada masyarakat di sekitar Wilayah Persekutuan, MAIS telah membuka kaunter pameran berinformasi meliputi Wang Tidak Patuh Syariah, Pemulihan Ar-Riqab dan premis MAIS untuk disewa di Karnival Inovasi Islam 2011 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diadakan di perkarangan Masjid Negara yang lalu. Pembukaan kaunter pameran berinformasi MAIS ini melibatkan Bahagian Perhubungan Korporat, dengan kerjasama Bahagian MAL dan Bahagian Pemulihan Ar-Riqab. Turut serta dalam pameran ini ialah Bahagian Perancang Ekonomi. Program yang berlangsung selama empat hari ini menjadi medan kepada pengunjung yang datang ke pameran MAIS untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pemulihan Ar-Riqab dan perkhidmatan Wang Tidak Patuh Syariah serta premis untuk disewa. Karnival Inovasi Islam 2011 ini dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Antara program dan aktiviti semasa karnival ini berlangsung ialah Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Forum Perdana Ehwal Islam, Seminar Inovasi Islam dan Ekspo serta Pameran Inovasi Islam yang melibatkan Majlis Agama Islam di seluruh Negeri-Negeri.

11 – 12 JUN

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, telah sudi melancarkan akhbar MAIS News di Majlis Perasmian Penutup Hari Mesra Pelanggan MAIS dan Anak Syarikat. Penerbitan akhbar ini menggantikan Majalah MAIS yang diterbitkan 4 kali setahun merupakan medium informasi berkaitan MAIS kepada khalayak. Akhbar MAIS News ini diterbitkan sebulan sekali bagi memastikan maklumat dan info terkini berkaitan agensi dan isu-isu Islam dapat disalurkan dengan pantas kepada golongan sasaran. Pengisian akhbar MAIS News ini memaparkan maklumat mengikut ruangan tetap dan khas seperti isu semasa berkaitan Agama, Fatwa, Khutbah Jumaat, Berita MAIS dan blog Islam. Akhbar ini akan diedarkan di masjid-masjid seluruh Selangor, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Sekolah-sekolah dan Jabatan-jabatan kerajaan sekitar Selangor. Sementara itu, Hari Mesra Pelanggan MAIS dan Anak Syarikat telah berlangsung selama dua hari di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS. Program ini memuatkan acara seperti pameran berinformasi MAIS dan anak syarikat, Kuiz Kenali MAIS, pertandingan bercerita, ceramah agama, persembahan nasyid dan qasidah dan jualan amal meliputi produk makanan, pakaian, majalah di mana hasil jualan ini akan disalurkan kepada Tabung Anak Yatim MAIS.





JUN

Bagi meneruskan proses pemerkasaan dan pemantapan struktur organisasi MAIS, satu Pelan Transformasi telah diwujudkan untuk memperkemaskan pengurusan organisasi MAIS bagi menerima pembaharuan dan permodenan dalam pengurusan dan pentadbiran. Pelan Transformasi MAIS mengandungi makna perubahan yang biasanya menyebabkan berlakunya Tabdil (Penggantian), Taghyir (Pengubahan), Tajdid (Pembaharuan), Ihya' (Penyemarakan), Islah (Pembaikan) dan Hijrah (Perubahan). Daripada enam unsur tersebut, maka konsep 123 HIT adalah komponen terpenting dalam mentransformasikan MAIS dan agensi Islam Selangor yang melibatkan insan, biah, strategi, teras, sistem, struktur, budaya, rancangan, kegiatan, enakmen dan berkat Allah. Menurut Pengerusi MAIS, YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, pengenalan Pelan Transformasi MAIS ini merupakan satu langkah yang tepat pada masanya di mana pelan ini akan membimbing MAIS bergerak secara holistik dengan perkembangan dunia sekarang." Penekanan enam faktor penting, iaitu Islah (pembaikan), Tabdil (penggantian), Ihya' (penyemarakan), Taghyir (pengubahan), Tajdid (pembaharuan), dan Hijrah mampu menjadikan MAIS sebagai agensi utama membangunkan ummah ke arah mendapatkan keredhaan Allah" katanya. Dalam pada itu, satu Bahagian Pelan Transformasi di bawah Sektor Pembangunan Organisasi MAIS telah diwujudkan bagi merealisasikan matlamat Pelan Transformasi MAIS tercapai. Pelan Transformasi MAIS ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada segenap lapisan warga MAIS dan agensi bagi melonjak identiti MAIS ke satu mercu yang lebih tinggi.



JUN

Perpustakaan Wakaf MAIS - Program Pendidikan Pengguna telah diadakan selama 4 hari iaitu pada 20, 21, 22 dan 23 Jun 2011 yang membabitkan kakitangan MAIS dari setiap bahagian. Program ini melibatkan Taklimat Umum Perpustakaan Wakaf dan Taklimat OPAC (Katalog atas talian) untuk 14 sesi yang dikendalikan oleh Pustakawan Perpustakaan Wakaf iaitu En. Mohd Hafiz Abd Salam dan Penolong Pegawai Perpustakaan serta dibantu pegawai perpustakaan yang lain dan juga melibatkan 2 orang pelajar praktikal Fakulti Pengurusan Maklumat dari UiTM iaitu Hidayati Aziz dan Maziah Mustapa sebagai latihan pendedahan berucap di depan orang ramai. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Pegawai MAIS dalam penggunaan sistem OPAC (Katalog atas talian), memperkenalkan koleksi bahan, menigkatkan keahlian perpustakaan serta berkongsi maklumat dan pendapat dalam menambahbaik koleksi bahan Perpustakaan Wakaf. Semua bahagian di MAIS telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini. Program taklimat seperti ini diharap dapat dimanfaatkan pegawai MAIS dalam menggunakan segala sumber dan perkhidmatan yang ditawarkan meningkatkan dan menigkatkan pengetahuan dalam mencari bahan diperpustakaan dengan menggunakan sistem OPAC Perpustakaan Wakaf sebagai medium untuk pencarian bahan.

07 JULAI

7 JULAI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan hormat dari Lembaga Maahad Dini, Alor Star Kedah yang lalu bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah. Rombongan Maahad Dini diketuai oleh Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Haji Abdul Halim bersama barisan pimpinan Maahad Dini yang lain. Kehadiran rombongan Maahad Dini telah disambut dengan baik oleh Ustaz Abdul Halim Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ketua-Ketua Bahagian yang terlibat. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk melihat tanah wakaf ta'lik yang diwakafkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tunku Raudha binti Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah kepada Maahad Dini di Kampung Jawa Klang Selangor.

8 JULAI

Bagi membentuk kerohanian dan suasana ilmu di kalangan pegawai dan kakitangan MAIS, satu forum khas bertajuk 'Kod Etika MAIS dan Anak Syarikat' telah diadakan di Dewan Masjid Negeri yang lalu. Forum ini dipengerusikan oleh Ustaz Abdul Halim Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS selaku moderator di samping dua orang ahli panel yang dijemput khas iaitu Y.Bhg Dato' Aidit bin Ghazali, Ahli MAIS dan Prof. Dato' Dr Aziuddin bin Ahmad, Rektor Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS). Seramai 200 orang kakitangan dan pegawai MAIS hadir ke forum ini bagi mendapatkan gambaran dengan lebih jelas berkaitan Kod Etika MAIS dan Anak Syarikat. Kod Etika MAIS dan Anak Syarikat mengandungi perkara utama yang perlu diambil perhatian oleh pegawai MAIS dan Anak Syarikat seperti visi, misi, moto, objektif dan kuasa-kuasa yang ada di MAIS dalam melaksanakan tanggungjawabnya demi memajukan ekonomi dan sosial umat Islam di negeri Selangor.

13 JULAI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor bagi menjalinkan hubungan kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam usaha membantu penagih dadah yang berada di sekitar Selangor yang lalu bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah. Rombongan AADK seramai lima orang diketuai oleh Encik Alias bin Jaafar, Pengarah AADK bersama Encik Nizar bin Mohamad, Penolong Pengarah AADK dan pegawai-pegawai yang lain termasuk Ketua Pegawai AADK Daerah Ampang, Encik Farid bin Japery. Kunjungan ini dipengerusikan oleh Ustaz Zamri bin Mohd Shafik, Ketua Penolong Setiausaha, Sektor Sosial MAIS. Turut serta wakil pegawai daripada Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan dan Bahagian Perhubungan Korporat. Kunjungan ini ternyata memberi manfaat kepada kedua belah pihak bagi membendung gejala sosial terutama yang membabitkan penagih dadah atau pesakit HIV. Antara tanggungjawab MAIS melalui Bahagian Pemulihan Ar-Riqab adalah membantu Asnaf Ar-Riqab serta mengeluarkan mereka dari dibelengu gejala sosial dan pesakit HIV dan Dadah. MAIS juga kini dalam proses mendirikan rumah Baitul Islah , iaitu tempat untuk penagih dadah yang tegar sebagai menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah kepada orang Islam di negeri Selangor.

21 JULAI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima lawatan dari International Institute Of Islamic Waqf, Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang lalu bertujuan menimba pengalaman dan pengetahuan daripada pihak MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dalam meningkatkan kualiti pengurusan wakaf di UAE. Lawatan Delegasi ini diuruskan oleh Yayasan Waqaf Malaysia diketuai oleh Ustaz Mohammad Syarqawi bin Mohammad, Pengurus Penyelidikan Dan Produk Wakaf. Seramai 12 orang delegasi daripada UAE diketuai oleh Dr. Sami Salahat, turut diberi taklimat tentang organisasi MAIS yang disampaikan oleh Encik Mohd Shahrizal bin Mohd Salleh, Ketua Penolong Setiausaha, Sektor Pembangunan Organisasi MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) oleh Encik Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS. Lawatan kerja ini ternyata dapat memberi manfaat kepada kedua belah pihak dalam pengurusan wakaf di negara masing-masing dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).



22 JULAI

Bagi meraikan kakitangan MAIS yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang pada tahun 2010, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre yang lalu. Majlis yang bermula pada jam 2.45 petang itu telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS. Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan MAIS yang telah menunjukkan prestasi

kerja cemerlang dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan pada tahun 2010. Majlis yang merupakan acara tahunan ini mempertandingkan 2 kategori iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Setiausaha. Seramai 32 orang kakitangan MAIS dari pelbagai jawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan empat orang kakitangan MAIS telah diberikan Anugerah Khas Setiausaha. Hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh Pengerusi MAIS diiringi oleh Setiausaha MAIS dan Timbalan Setiausaha MAIS.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Sahibus Samahah Dato' Mufti Selangor, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, (PWS) Rektor KUIS, dan Ahli MAIS. Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah, semoga dengan penghargaan kepada kakitangan terbabit akan menambah motivasi kepada kakitangan MAIS yang lain untuk memberikan prestasi yang cemerlang pada masa hadapan di samping merealisasikan matlamat menjadikan MAIS sebagai sebuah institusi agama yang cemerlang dan dihormati.



25 JULAI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini telah menerima 3 bidang tanah bernilai hampir 5 juta dan dana wakaf khas berjumlah RM 20 juta daripada YBhg. Dato' SM Shalahuddin bin SM Amin yang juga Penasihat merangkap Penaung kepada Jawatankuasa Pembangunan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat, Selangor bagi manfaat madrasah tersebut. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Selangor diwakili oleh YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Ramli bin Mahmud Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Dana wakaf khas ini akan diletakkan dalam satu tabung khas yang akan dipantau dan diurus pengeluaran wangnya mengikut syarat dan kehendak pewakaf iaitu bagi membangunkan MTMU.



08 OGOS

3 OGOS

DYMM Sultan Selangor telah sudi berkenan menyampaikan bantuan zakat kepada 200 fakir miskin, 100 mualaf dan 112 anak yatim di Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat di Masjid Negeri yang lalu. Kesemuanya menerima sumbangan berupa wang tunai RM300 untuk golongan fakir miskin dan mualaf serta RM100 bagi anak yatim. Bantuan ini merupakan sebahagian daripada RM14.2 juta bantuan yang disalurkan kepada 19 ribu golongan fakir miskin sempena menyambut Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Hadir sama dalam majlis itu, Dato' Menteri Besar Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengerusi MAIS dan Dato' Mufti Selangor. Turut hadir ketua Sektor Sosial dan Pembangunan Organisasi MAIS. Pada majlis yang sama, baginda turut menerima zakat perniagaan dari beberapa syarikat korporat antaranya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan anak-anak syarikatnya berjumlah RM8.3 juta. Worldwide Holding Berhad sebanyak RM1.1juta dan Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd berjumlah RM165ribu.

11 OGOS

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Masjid Al-Ikhlas Taman Seri Melati, Selayang sempena Majlis Ihya Ramadhan DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat yang lalu. Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 400 orang penerima yang terdiri daripada 100 orang fakir,100 orang miskin,100 orang anak yatim dan 100 orang saudara baru di sekitar daerah ini. Hadir sama dalam program ini, Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS, Setiausaha MAIS, Dato' Mufti Diraja Selangor dan Pegawai Daerah Gombak.



18 OGOS

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah sudi mencemar duli melancarkan kitab terjemahan Mukhtasar Sahih Al-Bukhari terbitan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS) sempena program Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor bersama rakyat yang lalu. Penerbitan kitab ini adalah kesinambungan jilid pertama yang telah dicetak dan dilancarkan pada tahun 2010 yang lalu. Mukhtasar Sahih Al-Bukhari ini merupakan terjemahan lengkap hadis-hadis nabi Muhammad S.A.W yang dikumpul dan disusun oleh Imam Al-Zabidi dalam kitabnya yang bertajuk "al-Tajrid al-Sarih li Ahadith al-Jami'al-Sahih". Sementara itu, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 400 orang penerima termasuk golongan fakir, miskin, saudara baru dan anak-anak fakir dan miskin yang sebahagiannya merupakan pelajar Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS). Hadir sama dalam program berkenaan ialah Raja Muda Selangor, Dato' Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

20 OGOS

Bagi mengukuhkan ikatan muhibah di kalangan bangsa pelbagai kaum dan agama, satu majlis berbuka puasa bersama pemimpin persatuan non-muslim 1432H telah diadakan di Hotel Equatorial yang lalu anjuran bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Perpaduan & Intergrasi Nasional dan Saba Islamic Media Sdn Bhd. Majlis yang bermula pada pukul 5.30 petang sehingga 11 malam itu bertujuan mengeratkan hubungan ukhwah di antara MAIS serta wakil-wakil NGO dengan pemimpin-pemimpin persatuan non-muslim di samping mengenali budaya dan agama masing-masing. Di antara aktiviti sepanjang majlis berlangsung ialah diskusi muhibbah bertajuk *"Similarities in Major Religions in Malaysia"* yang disampaikan oleh Encik Shah Kirit Kakulal Govindji daripada Saba Islamic Media, berbuka puasa, dan sesi ramah mesra di antara persatuan-persatuan non muslim dengan pihak MAIS. Antara yang hadir dalam majlis ini ialah wakil-wakil daripada Persatuan Kristian Malaysia, Persatuan Buddha Malaysia, Persatuan Hindu Malaysia, Maha Vihara Buddha dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terdiri daripada Angkatan Belia Islam Malaysia, Pergerakan Belia India Muslim Malaysia dan Persatuan Al-Hunafa'.

26 OGOS

Bagi mengimarahkan lagi ketibaan bulan Ramadan, pelbagai program telah dirancang oleh MAIS melalui Biro Kerohanian Kelab Sukan dan Kebajikan MAIS antaranya ialah Majlis Penutup Ihya' Ramadhan dan Khatam Al-Quran telah diadakan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang bulan Ramadhan ialah ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah-penceramah luar yang dijemput khas bagi tujuan ini. Ceramah ini diadakan pada setiap hari Jumaat sepanjang bulan Ramadhan bertempat di Bilik Perundangan Keluarga, Menara Selatan, bermula pada pukul 8.45 pagi hingga pukul 10.00 pagi. Selain ceramah, turut diadakan Tadarus Al-Quran di kalangan kakitangan MAIS.





09 SEPTEMBER

13 SEPTEMBER

Seramai 6 orang kakitangan dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIP) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi menjalankan kajian untuk mengukuhkan pentadbiran masjid dan surau di negeri Perak. Lawatan kerja ini diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Selangor. Rombongan MAIP diketuai oleh Y.B Dato' Ahmad Kamal bin Shahid, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak dengan diiringi Ketua Pegawai Eksekutif MAIP Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan bersama kakitangan yang lain. Pelbagai persoalan dan pandangan di antara kedua-dua belah pihak semasa perbincangan dijalankan terutama yang membabitkan kaedah atau peraturan mengenai pentadbiran masjid di negeri masing-masing. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS. Turut serta dalam perbincangan ini ialah Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid JAIS dan Ketua Penyelaras Masjid JAIS.

Di penghujung majlis, kedua-dua pihak saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenangan akan terjalinnya hubungan di antara dua institusi agama.

15 SEPTEMBER

Program Jalinan Ukhuwah Perpustakaan Wakaf MAIS bersama Perpustakaan Damai, telah diadakan bertujuan untuk membantu dan memberi cadangan serta khidmat nasihat bagi penubuhan dan perkhidmatan yang bakal dilaksanakan di Perpustakaan Damai, Program yang telah berlangsung selama setengah hari ini telah disertai oleh Pengetua Persatuan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Damai, Kuang iaitu Ustaz Tuan Haji Suhaimi Bin Dzajuli serta Pegawai Perpustakaan Damai iaitu Puan Maziah Bt. Haji Mustapa. Perpustakaan Wakaf MAIS yang diketuai oleh seorang Pustakawan, En Mohd Hafiz Bin Abdul Salam disertai seramai 4 orang pegawai lain termasuk seorang pelajar praktikal dari Fakulti Pendidikan Sains Sosial, Universiti Industri Selangor (UNISEL).



18 SEPTEMBER

Buat pertama kalinya, Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah mengadakan satu Majlis Muhibah Ei'dulfitri bersama Komuniti India sempena sambutan hari raya bagi meraikan kesyukuran sebagai tanda kemenangan dan kejayaan umat Islam selepas sebulan berpuasa khusus untuk komuniti India di Rawang. Majlis ini diadakan di Dewan MPS Taman Kanching Jaya yang lalu dengan kerjasama Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Gombak, Persatuan Dakwah Islamiah kebajikan Saudara Baru India se-Malaysia, Perkim cawangan Rawang dan Hidayah Center Cawangan Rawang. Seramai 300 orang jemputan yang hadir ke majlis ini merangkumi masyarakat India Muslim/Mualaf dan non Muslim terdiri daripada golongan dewasa dan kanak-kanak. Program ini bertujuan mewujudkan

suasana harmoni dalam menyatupadukan komuniti India Muslim/Mualaf dengan komuniti India non-Muslim selain dapat mengukuhkan hubungan di antara saudara India Muslim/Mualaf bersama keluarga mereka yang belum menerima hidayah Islam. Majlis ini dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf Negeri Selangor. Turut hadir Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Ketua Penolong Setiausaha Sektor Sosial MAIS dan Setiausaha PERKIM Cawangan Rawang Dr. Nakoo Mustan.



19 SEPTEMBER

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menaja 9 orang bakal-bakal haji bagi menunaikan haji untuk tahun 2011 pada Majlis Menghadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku oleh Bakal-Bakal Haji 1432H di Istana Alam Shah yang lalu.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menaja 9 orang bakal-bakal haji bagi menunaikan haji untuk tahun 2011 pada Majlis Menghadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku oleh Bakal-Bakal Haji 1432H di Istana Alam Shah pada 19 September yang lalu. Penyampaian cenderahati kepada individu-individu yang mendapat tajaan menunaikan haji disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Penyampaian cenderahati kepada individu-individu yang mendapat tajaan menunaikan haji disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Selain MAIS, turut menaja bakal-bakal haji bagi menunaikan haji ialah DYMM Sultan Selangor seramai 6 orang, Tabung Bantuan Menunaikan Haji Tajaan Waris / Kerabat DiRaja Selangor dan Dato'-Dato' DiRaja Selangor seramai 4 orang, Lembaga Zakat Selangor (LZS) seorang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) seramai 3 orang dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) seramai 18 orang menjadikan jumlah keseluruhan bakal-bakal haji yang ditaja adalah seramai 41 orang. Selain MAIS, turut menaja bakal-bakal haji bagi menunaikan haji ialah DYMM Sultan Selangor seramai 6 orang, Tabung Bantuan Menunaikan Haji Tajaan Waris / Kerabat DiRaja Selangor dan Dato'-Dato' DiRaja Selangor seramai 4 orang, Lembaga Zakat Selangor (LZS) seorang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) seramai 3 orang dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) seramai 18 orang menjadikan jumlah keseluruhan bakal-bakal haji yang ditaja adalah seramai 41 orang.



26 – 27 SEPTEMBER

Kongres Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Seluruh Malaysia Kali Pertama yang berlangsung selama 2 hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Duni Putra, Kuala Lumpur telah menghasilkan 20 resolusi sebulat suara yang dipersetujui oleh semua wakil-wakil MAIN yang hadir. Kongres ini diadakan sebanyak 3 sesi iaitu sesi pertama mengenai peranan MAIN dalam membangun sosio ekonomi ummah, sesi ke 2 MAIN pemacu pendidikan ummah dan sesi ke 3 peranan MAIN memperkasa undang-undang syariah dan kedaulatan undang-undang. Antara resolusi yang dicapai ialah Majlis Agama Islam Negeri hendaklah dirangka sebagai satu Dewan Pentadbiran Islam di bawah naungan, pegawasan dan pemantauan Raja-Raja Melayu dan MAIN hendaklah menerokai kaedah dan pendekatan

yang dapat memperkukuhkan kewangan MAIN secara lestari. Kongres ini dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan disusuli dengan Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

28 SEPTEMBER

Biarpun Syawal sudah menghampiri penghujungnya, namun suasana meriah Aidilfitri masih terasa apabila amalan kunjung mengunjung dan rumah terbuka terus diadakan. Bagi warga Bangunan Sultan Idris Shah yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta tidak ketinggalan Jabatan kehakiman Syariah Negeri Selangor menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri bagi meraikan kakitangannya yang diadakan di ruang legar Bangunan SIS yang lalu. Majlis bermula dari pukul 12 tengahari hingga 3 petang . Menu makanan yang pelbagai disediakan oleh setiap gerai agensi menambahkan lagi keceriaan majlis. Antara hidangan yang disediakan ialah kambing golek,satey, lemang, nasi arab, nasi beriani dan pelbagai hidangan raya. Majlis diserikan dengan kehadiran Pengerusi MAIS dan Mufti Selangor.

10 OKTOBER

30 OKTOBER - 2 NOV

Kuala Lumpur, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta Anak Syarikatnya iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah membuka kaunter pameran berinformasi meliputi Wakaf, Wasiat, Zakat, Saham Wakaf Selangor, dan premis MAIS untuk disewa di Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam 2011 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) anjuran Pejabat Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri.

7 OKTOBER

MAIS telah diundang untuk membuka kaunter mesra pelanggan Ar-Riqab dalam program Seminar Pameran HIV AIDS dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang diadakan di Dewan Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM) yang lalu anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Malaysian AIDS Council (MAC).



18 OKTOBER

Seramai seratus orang NGO Islam yang berdaftar di bawah MAIS telah hadir ke Majlis Perjumpaan NGO Islam bersama Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa di Dewan Seminar, Masjid Negeri yang lalu anjuran Bahagian Perhubungan Korporat MAIS dengan kerjasama Bahagian Dakwah JAIS. Perjumpaan ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa hal ehwal Islam masakini di samping memberi penerangan kepada NGO Islam berkaitan Peranan NGO Islam dalam konteks Pelan Transformasi MAIS yang disampaikan oleh Y.Bhg Dato' Aidit bin Ghazali, Ahli MAIS.

25 OKTOBER

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Serahan Cek Sumbangan Kepada Rumah-Rumah Kebajikan Yang Berdaftar Di Bawah MAIS dan Badan Dakwah Daerah bertempat di Dewan Seminar, Masjid Negeri yang lalu. Dalam majlis ini, sebanyak 35 buah rumah kebajikan menerima sumbangan yang keseluruhannya berjumlah RM720,000.00. Daripada jumlah ini, RM215,000.00 telah diperuntukkan kepada rumah kebajikan yang menawarkan khidmat perlindungan, pemulihan dan rawatan, RM235,000.00 diperuntukkan kepada rumah kebajikan anak yatim dan warga emas, manakala selebihnya iaitu RM270,000.00 kepada Badan Dakwah Daerah yang bernaung di bawah Pejabat Agama Islam

Daerah. Sumbangan yang menggunakan asnaf Ar-Riqab ini disempurnakan oleh Tuan Haji Mohamed Izam bin Mohamed Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS). Sumbangan ini merupakan sumbangan fasa kedua bertujuan melancarkan operasi badan kebajikan itu, tambahan kepada RM830,000.00 yang telah diterima pada fasa pertama sebelum ini. Antara rumah kebajikan yang menerima sumbangan iaitu Pertubuhan Al-Khadeem, Persatuan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al-Munirah, pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur DAN Pusat Khidmat Sosial Perkid yang masing-masing menerima dana sebanyak RM20,000.00.

27 OKTOBER

Bagi menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, MAIS melalui Unit Dakwah Hospital, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, telah mengadakan program agihan hamper kepada pesakit Hospital Sungai Buloh yang lalu. Seramai 120 pesakit telah diberi hamper berbentuk makanan bertujuan meringankan bebanan yang ditanggung oleh pesakit serta menyuburkan budaya ziarah yang digalakkan dalam Islam yang kini semakin hari semakin dilupakan. Hamper disampaikan oleh Penolong Setiausaha, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab Ustazah Hafizatul Akmal binti Abdul Jalil bersama Ustaz Mohamad Yusof bin Mohamad, Timbalan Yang DiPertua Sukarelawan Sahabat Hospital Selangor dengan diiringi oleh sukarelawan daripada Persatuan SAHABAT Hospital.



11 NOVEMBER

3 NOVEMBER

MAIS melalui Unit Hal Ehwal Islam, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab meneruskan program ziarah dan agihan hamper ke Hospital Selayang yang lalu. Program Ziarah dan agihan hamper anjuran bersama sekretariat SAHABAT Hospital Selayang ini berjaya mendekatkan hubungan kakitangan MAIS dan wakil SAHABAT dengan pesakit sambil beramah mesra bersama pesakit yang dirawat di hospital tersebut. Program tersebut telah diserikan dengan kehadiran Ketua Penolong Setiausaha Sektor Sosial MAIS, Ustaz Mohamad Zamri bin Mohd Shapik dan juga Kehadiran Timbalan Pengarah Perubatan merangkap Pengerusi SAHABAT Hospital Selayang, Dr Haji Mohd Suhaimi Bin Abdul Majid serta YDP SAHABAT Hospital Selangor Tn. Hj. Mahat Bin Hj. Tumin. Menerusi program ini, seramai 112 pesakit di 4 buah wad iaitu wad 6A (ORL) 6B (Oftalmologi) dan 6C & 6D (Ortopedik) telah menerima hamper yang disampaikan oleh Ketua Penolong Setiausaha MAIS dan YDP SAHABAT Hospital Selangor. Semoga sumbangan ini diharap dapat menyuntik semangat para pesakit agar lebih cepat sembuh disamping merasakan ada pihak yang prihatin terhadap dugaan yang mereka terima.

21 - 29 NOVEMBER

Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa telah sudi merasmikan program Daurah Penghayatan Remaja Islam anjuran Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 24 November yang lalu. Menurut Pengerusi MAIS semasa ucapan perasmiannya, program ini sememangnya amat berguna kepada kanak-kanak dan remaja bagi membantu mereka supaya tidak terjebak dengan gejala-gejala sosial yang kurang sihat selain dapat memanfaatkan aktiviti yang berfaedah di musim cuti sekolah.

LAPORAN **AKTIVITI 2012**



12 DISEMBER

20 DISEMBER

Perpustakaan Wakaf MAIS telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) lalu bertujuan mengkaji keberkesanan koleksi Perpustakaan Islam lain terutamanya Perpustakaan ILIM di samping dapat mengeratkan jalinan kerjasama di antara Perpustakaan ILIM dan Perpustakaan Wakaf MAIS. Rombongan Perpustakaan Wakaf MAIS seramai 4 orang diketuai oleh Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam, Pustakawan telah diberikan taklimat ringkas mengenai operasi keseluruhan dan perkhidmatan Perpustakaan ILIM yang disampaikan oleh Puan Nasimah Binti Badaruddin Pustakawan ILIM serta dibantu oleh En. Jaffrey Bin Tukiban, Penolong Pegawai Perpustakaan ILIM. Program lawatan kerja ini diharap dapat membantu Perpustakaan Wakaf MAIS untuk mengetahui sistem yang diguna pakai oleh Perpustakaan ILIM dan cara pengkatalogan bahan-bahan perpustakaan berkaitan bidang agama dengan lebih baik serta aktiviti-aktiviti perpustakaan yang telah dijalankan sepanjang tahun yang dapat dikongsi bersama.

01 JANUARI

5 JANUARI

Seramai 150 orang warga MAIS termasuk MAIS Daerah telah hadir ke Dewan Masjid Negeri bagi mengikuti Majlis Perutusan Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa sempena tahun baru 2012/1433H yang dikelolakan oleh Bahagian Perhubungan Korporat. Majlis Perutusan Pengerusi MAIS ini diadakan setiap setahun sekali pada awal tahun baru supaya kakitangan MAIS mendapat semangat dan azam yang baru bagi mencapai kecemerlangan dalam memajukan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di negeri Selangor. Majlis yang bermula pada sebelah petang dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Misbah bin Salikun, Bahagian Pelan Transformasi MAIS seterusnya majlis disempurnakan dengan Perutusan Tahun Baru oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Dalam ucapannya, Pengerusi MAIS menegaskan kepada semua warga kerja MAIS serta anak syarikat antaranya Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), perlu meningkatkan pengurusan dengan adanya barisan pimpinan MAIS yang baru bagi mencapai objektif yang sebenar. Selain itu, beliau juga turut menyentuh perkara-perkara berkaitan keperluan mengadakan mesyuarat dan faedahnya, peranan NGO kepada MAIS, patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan, dakwah kepada masyarakat termasuk non muslim serta inisiatif transformasi MAIS perlu diteruskan agar menjadikan MAIS sebagai benteng utama yang kukuh sebagai sesebuah institusi Islam. Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri oleh Setiausaha MAIS, Encik Mohd Haniff bin Hassan, Dato' Mufti Selangor, Timbalan Setiausaha MAIS, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Rektor KUIS, Ketua-Ketua Penolong Setiausaha MAIS, dan Ketua-ketua Bahagian MAIS. Sementara itu pada majlis yang sama turut diadakan Majlis Pelancaran Manual Pelan Transformasi MAIS dan Majlis Penyerahan Kerusi Roda Sumbangan Baitulmal MAIS kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebanyak 2 unit dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) sebanyak 1 unit disampaikan oleh Pengerusi MAIS diringi oleh Setiausaha MAIS dan Timbalan Setiausaha MAIS. Penyerahan kerusi roda ini adalah untuk kegunaan orang awam yang berurusan di JAIS dan JAKESS.

10 JANUARI

Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS telah mempengerusikan Majlis Taklimat dan Fokus Ahli MAIS 2012-2014 yang lalu bertempat di Hotel Concorde. Taklimat ini dihadiri oleh barisan Ahli MAIS sesi 2012-2014, Setiausaha MAIS, Ketua-ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Rektor Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS). Turut dijemput Ketua-Ketua Penolong Setiausaha MAIS. Majlis yang berlangsung selama setengah hari ini bertujuan memberi gambaran tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli MAIS di samping memberi penekanan terhadap memartabatkan Agama Islam di Selangor. Selain itu taklimat ini menjurus kepada pendakwaan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor dan kes-kes syariah di Selangor. Selain taklimat, turut diadakan pembentangan kertas kerja antaranya ialah Undang-Undang dan Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor yang disampaikan oleh Penasihat Undang-Undang MAIS.

JANUARI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aduan dan Penguatkuasaan bagi memantau serta menangani isu murtad dan ajaran sesat di negeri Selangor. Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa berkata jawatankuasa tetap itu akan menerima serta memantau aduan berhubung usaha memurtadkan umat Islam dan ajaran sesat di negeri Selangor termasuk mengambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya. Menurutnya, Jawatankuasa Pengurusan Aduan dan Penguatkuasaan juga berperanan memantau bantuan kepada fakir dan miskin bagi mengelakkan mereka tidak terdedah kepada gejala murtad berikutan kesukaran mendapatkan bantuan.

"Jawatankuasa ini perlu menyediakan satu pelan tindakan bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan terutama bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS)", katanya dalam sidang media mengenai Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor. Sementara itu, Pengerusi MAIS turut mengumumkan bahawa Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengutip RM 393.54 juta zakat di Selangor bagi tahun 2011 berbanding RM336.93 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus.

Katanya, zakat pendapatan mencatatkan kutipan tertinggi iaitu RM216 juta, diikuti zakat perniagaan (RM79.7 juta) dan zakat harta (RM37.7 juta).

Dalam sidang media itu, turut diadakan majlis serah tugas Setiausaha MAIS daripada mantan Setiausaha MAIS, iaitu Dato' Haji Marzuki bin Hussin kepada Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS yang baru.

28 – 29 JANUARI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Unit Pengurusan Mualaf, Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah mengadakan Bengkel Semakan Pindaan Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Bagi Mualaf (Selangor) 2009 yang lalu bertempat di Hotel Concorde Inn, KLIA. Bengkel selama dua hari ini merupakan bengkel semakan pindaan selepas bengkel pindaan peraturan-peraturan mualaf yang telah dibuat pada tahun lepas bertujuan membuat semakan akhir peraturan-peraturan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran bagi mualaf di samping mengenalpasti kekurangan dalam pindaan yang telah dibuat sebelum dicadangkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan pihak MAIS untuk pewartaan. Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh Tuan Nik Asrulnizam bin Mustapha, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Turut hadir sebagai ahli bengkel ialah Timbalan Mufti Negeri Selangor, Penasihat Undang-Undang MAIS, dan Ketua Penolong Setiausaha Sektor Sosial MAIS.

02 FEBRUARI

2 FEBRUARI

Satu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM) telah diadakan di Dewan Taklimat, Bangunan Pentadbiran, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang lalu. Memorandum Perjanjian Wakaf ini merupakan MOU wakaf kedua yang melibatkan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan institusi pendidikan yang sebelum ini MAIS bekerjasama dengan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam perkara yang sama.Majlis ini telah ditandatangani oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dan Dato'Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Naib Canselor UPM disaksikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS dan Timbalan Naib Canselor UPM.Dana Wakaf Ilmu UPM ini ditubuhkan bertujuan mendapatkan sumbangan individu, korporat, koperasi dan badan bukan kerajaan bagi mewujudkan suatu infrastuktur jangka panjang untuk memenuhi keperluan dan pembiayaan aktiviti akademik melibatkan warga UPM.Harapan MAIS agar kerjasama diantara kedua belah pihak dapat memberikan lebih manfaat kepada masyarakat khususnya kepada warga UPM dalam pengembangan ilmu dan memberikan pendedahan berkenaan dengan sedekah jariah serta kelebihan berwakaf.

5 FEBRUARI

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah peringkat negeri Selangor disambut meriah dengan kehadiran rakyat Selangor yang memenuhi Stadium Malawati Shah Alam seawal jam 8 pagi.

Sambutan pada tahun ini mengangkat tema "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah" sejajar dalam memperkukuhkan persefahaman antara manusia yang berbilang bangsa dan agama demi kemakmuran masyarakat dan negara khususnya negeri Selangor Darul Ehsan.

Majlis ini disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.Turut hadir sama adalah Dato'Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Setiausaha MAIS Encik Mohd Haniff bin Hassan dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Marzuki Hussin. Sambutan ini dimeriahkan dengan perarakan daripada Stadium Mini ke Stadium Malawati sambil berselawat ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.Antara jabatan dan badan yang mengambil bahagian adalah daripada jabatan kerajaan, badan berkanun, institut pengajian tinggi (swasta,IPTA), masjid, NGO dan sekolah menengah.Sebanyak 128 kontinjen yang terlibat termasuk kontinjen MAIS seramai 48 orang. Disamping itu juga, kontinjen terbaik diberi penghargaan mengikut dua kategori iaitu kategori perarakan dan kategori sepanduk.Sementara itu, Sultan Selangor turut berkenan menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul bagi kategori Anugerah Khalid Al-Walid kepada Tan Sri Mohd Najib bin Abdul Aziz, Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd Yusuf (Anugerah Umar Abdul Aziz), Datuk Mohd Mokhtar Shafii (Anugerah Imam Al-Ghazali), Profesor Dr. Azizah binti Osman (Anugerah Saidatina Khatijah), dan Nurfarah Anis binti Zainal Abidin (Anugerah Saidina Ali).

FEBRUARI

Seramai 23 orang kakitangan dan pegawai daripada Unit Penyelarasan Al-Riqab, Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS termasuk Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman telah mengikuti Kursus Teambuilding Untuk Pegawai dan Kakitangan khusus Bahagian Pemulihan Al-Riqab baru-baru ini.

Kursus yang diadakan selama tiga hari ini bertempat di Dusun Eco Resort bertujuan meningkatkan motivasi kepada individu dan kerja berpasukan di samping dapat menerapkan budaya kerja cemerlang dalam diri peserta serta membina komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugas harian.Pelbagai aktiviti menarik telah diatur semasa kursus ini dijalankan antaranya ialah Ice Breaking, Latihan Dalam Kumpulan, aktiviti abseiling dan paintball.Semoga program ini dapat melahirkan pegawai dan kakitangan Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS yang lebih proaktif dalam menjalankan tugasan dan amanah yang dipertanggungjawabkan di samping membentuk perhubungan dalam pasukan yang lebih efektif dan produktif.

FEBRUARI

Satu Persidangan Meja Bulat Modul Istitabah Baitul Iman telah diadakan di Corus Paradise Resort Port Dickson anjuran Sektor Sosial MAIS melalui Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS. Persidangan yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha (Sektor Sosial) MAIS ini melibatkan seramai 12 orang pembentang kertas kerja daripada pelbagai latar bidang kepakaran.

Kursus yang diadakan selama tiga hari ini bertempat di Dusun Eco Resort bertujuan meningkatkan motivasi kepada individu dan kerja berpasukan di samping dapat menerapkan budaya kerja cemerlang dalam diri peserta serta membina komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugas harian.

Antara pembentang kertas kerja yang terlibat adalah Dr. Siti Zubaidah Bt Ismail Pensyarah Kanan daripada Fakulti Undang-Undang dan Syariah Universiti Malaya, Dr. Zulkifli Al-Bakri Bin Mohammad ahli Panel Kajian Syariah (PKS) JAKIM, Dr. Jahid Bin Sidek ahli Jawatankuasa Jilsah Sufiah Negeri Sembilan, Dr. Rusdi Bin Abdul Rashid Pakar Psikiatri daripada Pusat Perubatan Universiti Malaya, Tuan Haji Abdul Samad Ibrahim Lembaga Zakat Selangor, Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik Ketua Penolong Setiausaha (Sektor Sosial) MAIS dan Ustaz Izhar Bin Ismail Penguasa Baitul Iman

Persidangan ini turut dihadiri oleh seramai 20 orang peserta antaranya Ketua-ketua Bahagian di MAIS, wakil Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM, Bahagian Undang-Undang MAIS, Bahagian Pembangunan Insan MAIS, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS, Universiti Malaya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Kolej Antarabangsa IKIP.

Persidangan ini telah berjaya menghasilkan lima resolusi utama yang akan dijadikan garis panduan dalam pembinaan Modul Istitabah Baitul Iman iaitu; Peraturan Murtad dan Istitabah, Alat Pengukuran Murtad, Modul Istitabah, Alat Pengukuran Murtad dan SOP Proses Istitabah. Pembinaan modul ini akan dilaksanakan sepanjang 2012 oleh pasukan penggubal Modul Istitabah telah ditubuhkan hasil daripada persidangan tersebut.

Timbalan Setiausaha MAIS, Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin telah merasmikan penutupan Persidangan Meja Bulat Modul Istitabah Baitul Iman dan dalam ucapannya, beliau mengharapkan agar Bengkel Pembinaan Modul Istitabah dapat diadakan sebagai kesinambungan persidangan ini. Hasil persidangan ini, Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman mensasarkan untuk mewujudkankan Modul Istitabah pada tahun 2013 berdasarkan siri bengkel yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

20 FEBRUARI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima lawatan dari pelajar-pelajar Bachelor of Law and Commerce, Management Science University (MSU) yang lalu bertujuan untuk memperolehi maklumat berhubung dengan tugas MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) berkaitan pengurusan wakaf, wasiat dan amanah serta harta lebihan faraid dari segi syarak yang diamalkan di Malaysia.

Seramai 38 orang pelajar MSU diketuai oleh Puan Norhasliza binti Mat Hasan, Pengurus Program Jabatan Sains Sosial dan Undang-Undang, MSU turut diberi taklimat tentang organisasi MAIS (Bahagian MAL) yang disampaikan oleh Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid, Pengurus Harta Baitulmal, Sektor Iktisad MAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) oleh Encik Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS.Diharapkan lawatan ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar dalam pembelajaran khususnya berkaitan pengurusan wakaf di Selangor dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara MSU dan MAIS.

21 FEBRUARI

Satu Program Explorace Pelatih Siri 1 /2012 telah diadakan bertempat di Kalumpang Resort anjuran Seksyen Kaunseling dengan kerjasama Penyelia Operasi Disiplin Pelatih, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.

Program ini melibatkan seramai 15 orang kakitangan dan 20 orang pelatih daripada Pusat Pelindungan Wanita, Baitul Ehsan bertujuan memotivasikan diri pelatih serta memupuk semangat kerjasama berpasukan. Selain itu, program ini juga memenuhi matlamat penubuhan Baitul Ehsan untuk membina keperibadian kental dalam diri pelatih selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelatih dan kakitangan Baitul Ehsan. Di antara aktiviti yang

dijalankan selain explorace ialah Pelampung Extreme dan aktiviti memasak (chef selebriti) yang melibatkan semua pelatih dan kakitangan. Program seumpama ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi dan jati diri pelatih untuk menghadapi kehidupan yang lebih mencabar di masa akan datang.

21 FEBRUARI

MAIS melalui Sektor Pembangunan Sosial telah mengadakan satu lawatan kerja ke baby hatch di OrphanCARE iaitu sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan yang beroperasi di Kampung Tunku pada 21 Februari 2012 yang lalu.

Lawatan yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha MAIS ini diadakan susulan daripada cadangan untuk mewujudkan Baitul Laqit iaitu pusat untuk bayi-bayi terbuang. Lawatan kerja ini melibatkan Ketua Sektor Pembangunan Sosial, Ketua Sektor Penyelidikan Organisasi, Pengurus Pemulihan Al-Riqab, Penguasa Baitul Iman dan pegawai MAIS.

Ketibaan delegasi disambut mesra oleh Presiden OrphanCare, Tan Sri Faizah Mohd Tahir. Delegasi diberi penerangan mengenai usaha-usaha yang dilakukan dalam memastikan setiap anak-anak yatim dan anak terbuang dibesarkan di dalam institusi keluarga. Seterusnya, sesi perbincangan dua hala dijalankan berkaitan teknikal penubuhan, prosedur penerimaan bayi, pemilihan keluarga angkat dan lain-lain.Pihak OrphanCare turut menyatakan minat terhadap usaha yang dilaksanakan MAIS melalui Pusat Perlindungan Wanita (Baitul Ehsan) yang beroperasi sejak 2001 di Sabak Bernam dalam usaha pemulihan dan perlindungan wanita.Sebelum mengakhiri lawatan, delegasi turut diberi penerangan simulasi meletakkan bayi di dalam 'baby hatch' atau 'pelindung bayi' (bilik kecil khas penerimaan bayi terbuang).

25 FEBRUARI

Seramai 200 orang di kalangan muallaf (saudara baru) di sekitar daerah Petaling telah mengikuti sambutan Maulidur Rasul 1433 Hijrah, Muallaf daerah Petaling bertempat di Dewan Serbaguna Taman Orang Asli, Bukit Bandaraya anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling yang lalu. Program yang berlangsung selama setengah hari itu merupakan acara tahunan bertujuan memperingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta menunjukkan rasa cinta yang mendalam terhadap baginda selain dapat memupuk kesedaran di kalangan muallaf agar sentiasa mengikuti tatacara hidup dan sunnahnya. Sambutan Maulidur Rasul diteruskan bermula pada awal pagi dengan perarakan daripada muallaf diketuai oleh Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling. Turut hadir Ustaz Muhamad Sujak bin Haji Muhamad Dasuki, Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Petaling. Selain perarakan, turut diadakan ceramah dan tazkirah berkaitan sirah Nabi Muhammad S.A.W bagi memberi kesan yang positif kepada jiwa muallaf agar menjadikan Rasullullah S.A.W sebagai contoh ikutan yang utama. Dengan adanya program seumpama ini, para peserta muallaf dapat memanfaatkan pengisian ilmu yang sedia ada di samping mendapat pengetahuan yang baru tentang perjuangan Rasulullah S.A.W dan kemuliaan Islam.

28 FEBRUARI

Buat julung-julung kalinya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menganjurkan Konvensyen Baitulmal Negeri Selangor 2012 bertemakan "Baitulmal Sebagai Satu Perbendaharaan Negeri dan Negara di Dewan Jubli Perak, Bangunan SUK yang lalu. Konvensyen selama sehari ini dihadiri Ketua-Ketua Jabatan Sektor Awam dan Swasta seluruh Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Nazir-nazir masjid, Pemegang Tauliah Mengajar dan Pejabat-Pejabat Daerah bertujuan memberi kefahaman berhubung sumber harta-harta Baitulmal dan Pengurusan Baitulmal MAIS. Program ini dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir Pengerusi MAIS dan Setiausaha MAIS. Selain itu, Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor juga turut melancarkan Wakaf Irsod. Dalam pada itu, Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa dalam ucapannya berkata, Pelancaran Wakaf Irsod bertujuan memberi alternatif berwakaf kepada orang awam dan badan kerajaan serta swasta. Katanya lagi, Wakaf Irsod adalah sesuatu tanah, bangunan, rumah yang diwakafkan oleh kerajaan, perbadanan, institusi atau badan lain mengikut hukum syarak selain harta yang diwakafkan boleh dimanfaatkan bagi penyediaan tapak masjid, surau, tanah perkuburan atau pun institusi pendidikan agama. Di majlis berkenaan juga, turut diadakan penyerahan tanah yang diwakafkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Wakaf Irsod yang terletak di daerah Gombak, Hulu Langat dan Kuala Selangor. Sementara itu, sebanyak lima pembentangan kertas kerja dalam konvensyen ini antaranya ialah "Institusi Baitulmal: Sejarah dan Peranannya disampaikan oleh Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakry dan "Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor: Peranan kepada umat Islam Negeri Selangor disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Halem Hapiz bin Salihin.

28 FEBRUARI

Majlis Agama Islam Selangor melalui Sektor Pembangunan Sosial di bawah Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah menganjurkan Bengkel Modul Istitabah Siri 1 bagi Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) MAIS bertempat di Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini merupakan pelaksanaan hasil resolusi Persidangan Meja Bulat Modul Istitabah yang diadakan pada Januari lepas. Objektif bengkel Siri 1 ini meliputi kepada perincian aspek perundangan, modul pemulihan dan modul rawatan. Para peserta terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Mufti Selangor, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAKIM, Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Bengkel ini turut melibatkan peserta daripada daripada Institut Pengajian Tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Kolej Universiti Islam Selangor dan Kolej Antarabangsa IKIP. Turut terlibat ialah Yayasan Budi iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO). Turut hadir Ustaz Mohd Zamri bin Mohamed Shapik, Ketua Sektor Sosial MAIS dan Ustaz Izhar bin Ismail, Penguasa Baitul Iman MAIS. Bengkel ini bermula pada 28 Februari 2012 dan berakhir pada 1 Mac 2012.

03 MAC

3 MAC

Bagi memberi peluang kepada masyarakat orang asli beramah mesra bersama keluarga mereka yang belum memeluk Islam, satu program ramah mesra, motivasi dan sukaneka telah diadakan di Padang Sekolah Kebangsaan Bukit Cheeding, Kampung Orang Asli yang lalu anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf Daerah Hulu Langat. Seramai 250 orang asli termasuk kanak-kanak dan keluarga mereka yang belum memasuki Islam terlibat dalam program ini yang dirasmikan oleh Ustaz Mohd Zamri bin Mohamed Shapik, Ketua Sektor Sosial, MAIS. Turut hadir Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengurus Pembangunan Muallaf dan Md Razali bin Hassanusi, Pegawai Tadbir Agama Daerah Kuala Langat. Program yang diadakan selama sehari ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara orang asli (saudara baru) dengan keluarga mereka yang belum memasuki Islam selain dapat memupuk semangat kerjasama antara mereka serta berdakwah kepada keluarga yang belum memasuki Islam. Selain beramah mesra dan program sukaneka, turut diadakan program ceramah motivasi kepada anak-anak orang asli bagi memberi galakan dan dorongan kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan.

6 MAC

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MAIS melalui Seksyen Persaraan dan Kebajikan telah mengadakan lawatan ke Taska Pejabat Setiausaha Negeri Selangor (SUK) dan Taska Permata, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada 6 Mac 2012. Lawatan ini diketuai oleh Pengurus Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Puan Nurlaila bt Abd Rashid bersama Ketua-Ketua Bahagian yang terlibat. Lawatan bermula dengan mengunjungi ke pusat Taska SUK pada pukul 9.00 pagi disambut mesra oleh Puan Nurul Faezah bt Hamzah, Penolong Setiausaha Bahagian Sumber Manusia, SUK disusuli lawatan ke Taska Permata PKPS disambut baik oleh Puan Khairani Azura bt Kamarudin, Pengetua Taska Permata PKPS. Lawatan ini bertujuan bagi memberi gambaran kos pembinaan dan pelaksanaan bagi mewujudkan pusat asuhan taska MAIS. Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan MAIS melihat secara keseluruhan taska meliputi pengurusan dan kaedah penjagaan bayi dan kanak-kanak.

MAC

MAIS melalui Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah menyumbang bantuan berbentuk bahan makanan, sejadah, kain pelikat, kopiah, keperluan alatan mandi serta tafsir Al-Quran kepada mangsa banjir Rumah Pemulihan Dadah (Sahabat) dan Rumah (Perkid) baru-baru ini. Bantuan ini merupakan sumbangan dari pihak MAIS bagi meringankan bebanan mangsa banjir kedua-dua Rumah Pemulihan Al-Riqab. Ia merupakan tanggungjawab sosial MAIS bagi membantu mangsa banjir yang dilanda musibah atau bencana. Rombongan MAIS diketuai oleh Ustaz Mohd Zamri bin Mohd Shapik, Ketua Sektor (Pembangunan Sosial) dan Encik Muhammad Zulhusni bin Abdul Rashid, Penolong Pengurus (Pembebasan Al-Riqab). Turut serta Encik Fadzirul Akmal bin Mohd Sharif, Eksekutif (Bantuan dan Kebajikan).

19 MAC

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bantuan zakat kepada 38 Badan Bukan Kerajaan (NGO). Semua NGO menerima bantuan antara RM10,000, RM15,000 dan RM20,000 menjadikan keseluruhan berjumlah RM660,000. Bantuan disampaikan oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS diiringi oleh Tuan Haji Mohamed Izam bin Mohamed Yusuf, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Majlis Ramah Mesra Dan Penyerahan Dana Bantuan Kepada Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO) yang lalu. Bantuan ini merupakan bantuan fasa ke-2 bagi tahun 2011 bertujuan menambah dana bagi membantu NGO Islam dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islam. Selain itu, bantuan ini diberikan bagi membantu menjayakan operasi dakwah kepada umat Islam melalui NGO mengikut garis panduan yang ditetapkan bersama MAIS.Antara NGO yang menerima bantuan termasuk Persatuan Jemaah Islah Malaysia (RM20,000), Persatuan Sahabat Hospital Selangor (RM20,000), Persatuan Cina Muslim Malaysia Cawangan Selangor (RM20,000), Pengasih Selangor (RM15,000) dan Malaysian Indian Muslim Missionary Council (RM10,000).

21 MAC

Bagi memberikan penghargaan kepada pelatih-pelatih yang telah berjaya dalam bidang akademik dan kemahiran, Pusat Perlindungan Wanita (Baitul Ehsan) MAIS telah menganjurkan Konvokesyen Baitul Ehsan Kali Ke-4 yang lalu bertempat di Dewan Tun Razak. Majlis ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS dan turut dihadiri oleh Tuan Haji Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ketua-Ketua Sektor MAIS.Majlis yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan menyuntik semangat kepada pelatih supaya terus berusaha untuk mencapai kejayaan, di samping memberi dorongan dan keyakinan untuk berjaya dengan lebih cemerlang dalam bidang akademik walaupun berada di dalam pusat perlindungan. Selain itu, penghargaan ini memberi peluang kepada mereka untuk membentuk sahsiah diri supaya menjadi insan lebih sempurna dan cemerlang. Anugerah ini meliputi beberapa kategori iaitu Anugerah Cemerlang Kelas Fardhu Ain, Mata Pelajaran Terbaik Keseluruhan, Kelas Kemahiran Masakan, Kelas Kemahiran Jahitan, Anugerah Khas, Anugerah Asrama Tercantik dan Anugerah Kumpulan Terbaik Riadhah Bulanan. Penghargaan ini turut diberikan kepada tenaga pengajar yang menjadi tunjang utama kepada kejayaan pelatih-pelatih di sini.

26 MAC

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan dari Persatuan Anak-Anak Kapal Kabin Muslim Hidayah (HILAL) bagi mendapatkan maklumat berhubung aktiviti MAIS bersama NGO Islam dan pengurusan Wang Tidak Patuh Syariah, Wakaf, Hibah serta permasalahan zakat dan hukum arak yang lalu. Seramai 12 orang rombongan HILAL diketuai oleh Encik Tarmezdi bin Abd Kadir, Setiausaha HILAL dan Encik Kamarul Zaman bin Saisi, Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines (MAS) turut diberi taklimat aktiviti MAIS bersama NGO Islam oleh Ustaz Mohd Zamri bin Mohd Shafik, Ketua Sektor Sosial MAIS dan taklimat Bahagian Harta Baitulmal oleh Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Pengurus Harta Baitulmal. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan diadakan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara MAIS dan HILAL.

04 APRIL

4 – 5 APRIL

Seramai 80 orang peserta terdiri dari pegawai kumpulan sokongan di ibu pejabat dan MAIS Daerah terlibat dalam Program Makmal Balanced Scorecard Sesi 1 yang diadakan di Bilik Bahagian Perundangan Keluarga, JAIS. Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman berhubung BSC di kalangan pegawai kumpulan sokongan di samping menyemai kepentingan peranan setiap pegawai di dalam memastikan kejayaan BSC.Menurut salah seorang peserta, Mohd Zulhelmy bin Mohd Zailan (Bahagian Pemulihan Ar-Riqab), "Program ini BSC ini banyak memberikan pendedahan khusus buat pegawai MAIS dalam mencorak masa depan dan hala tuju MAIS menjelang tahun 2015", katanya.Dalam pada itu, Encik Mohd Fazdlie B. Mohd Sahid (Bahagian Kewangan) berkata, "BSC ini menunjukkan dengan jelas arah tuju MAIS serta menentukan KPI dalam setiap tugasan, sekaligus melalui cara ini usaha MAIS yang ingin mengekalkan Prestasi Yang Tinggi di dalam semua Sektor dapat di capai" katanya.Sebanyak tiga sesi BSC mengikut kumpulan sokongan akan dilaksanakan di MAIS bagi memahami kerangka pemikiran BSC/KPI kepada semua warga MAIS.

18 – 19 APRIL

Majlis Agama Islam Selangor melalui Sektor Pembangunan Sosial di bawah Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah menganjurkan Bengkel Penggubalan Modul Istitabah Siri Kedua bagi Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) MAIS bertempat di Klana Beach Resort Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sebanyak empat pasukan terlibat bagi menjayakan bengkel ini iaitu Pasukan Penggubal Undang-Undang Murtad yang diketuai oleh Y.Bhg. Dr. Siti Zubaidah Ismail, Pensyarah Kanan Jabatan Undang-Undang Syariah Universiti Malaya, Pasukan Penggubal Alat Pengukuran Murtad diketuai oleh Y. Bhg. Profesor Dr. Azimi Hamzah daripada UPM, Pasukan Penggubal Modul Istitabah (Pemulihan) diketuai oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Kamarudin Bin Saleh daripada UKM dan Pasukan Modul Istitabah (Rawatan) diketuai oleh Y. Bhg. Dr. Jahit Bin Sidek.Objektif bengkel kali ini adalah untuk menggubal undang-undang murtad, menyediakan alat pengukuran murtad dan untuk melengkapkan Modul Istitabah.Bengkel yang dipengerusikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik Ketua Sektor Pembangunan Sosial MAIS telah berjaya mengumpulkan pakar-pakar untuk bersama-sama menjayakan modul ini. Antara yang terlibat adalah Tuan Arik Sanusi Bin Yeop Johari daripada Jabatan Peguam Negara, Tuan Nik Asrulnizam Bin Mustapha daripada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Professor Dr. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil (UiTM), Profesor Dr. Ezhar Tamam (UPM), Dr. Nordin Ahmad (JAKIM), Dr. Muhammad Muhsin Bin Ahmad Zahari Pakar Perunding Psikiatris Pusat Perubatan Universiti Malaya, Dr. Mahyuddin Bin Ismail (UMP), dan juga wakil-wakil daripada USIM, KUIS, JAKESS, JAIS dan Jabatan Mufti Selangor.Bengkel seterusnya dijangka akan diadakan pada bulan Mei 2012 bagi memantapkan lagi usaha Bahagian Pemulihan Al-Riqab untuk menghasilkan Modul Istitabah.

21 APRIL

Karnival Sukan MAIS & Anak Syarikat (KASUMAS) disambut meriah dengan penglibatan kakitangan MAIS dan Anak Syarikat yang mengambil bahagian dalam acara sukan tahunan MAIS anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bertempat di Perkarangan KUIS yang lalu. Program yang diadakan setiap tahun ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan MAIS serta Anak Syarikat disamping menggalakkan daya saing yang sihat. Agensi yang terlibat selain Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Kumpulan MAIS Corporation (KMC).Karnival sukan seumpama ini juga memberi peluang dan ruang terbaik kepada semua warga MAIS dan Anak Syarikat untuk berjumpa serta mengenali antara satu sama lain dan seterusnya membina persefahaman dan semangat kerjasama berpasukan.Pada tahun ini, sebanyak 12 acara yang dipertandingkan antaranya ialah sukan bola sepak, bola jaring, kayak, sepak takraw, badminton dan ping pong.Johan keseluruhan telah dimenangi oleh tuan rumah iaitu Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), tempat kedua disandang oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), tempat ketiga oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) manakala tempat keempat oleh Kumpulan MAIS Corporation (KMC). Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS diiringi oleh Encik Mohd Haniff Bin Hassan, Setiausaha MAIS dan ketua-ketua Anak Syarikat. Pada majlis yang sama, Pengerusi MAIS turut melancarkan Bulan Inovasi MAIS 2012.

27 – 29 APRIL

Sambutan Bulan Inovasi MAIS 2012 menyajikan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah Program Tautan Ukhwah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2012 yang diadakan di Bukit Gambang Resort City selama 3 hari 2 malam. Program yang bermula pada 27hb sehingga 29hb April ini merupakan salah satu program Bulan Inovasi MAIS. Pewujudan Bulan Inovasi MAIS adalah kesinambungan Program Minggu Kualiti yang bermula pada tahun 2007 hingga kini yang antara lain bertujuan memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti dalam MAIS. Di samping itu juga bertujuan memberi pengiktirafan dan menjana dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha-usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti.

Sementara itu, program ini disempurnakan perasmian dan majlis penutup oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS. Program yang disertai oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS seramai 300 orang ini dilibatkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah ceramah motivasi, sukaneka, Explorace, Qiamullail dan Water Telematch.

Aktiviti sedemikian ini dapat memupuk semangat kerjasama dalam pasukan di samping merapatkan lagi hubungan silaturrahim sesama mereka.



05 MEI

2 MEI

MAIS melalui Sektor Iktisad telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bertujuan mengukuhkan jalinan kerjasama antara MAIS dan JPPH yang lalu. Rombongan MAIS diketuai oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS disambut baik oleh Y.Bhg Dato' Abdullah Thalith bin Md. Thani, Ketua Pengarah Penilaian bersama barisan Pengarah dan Timbalan Pengarah JPPH.Dalam perjumpaan ini, MAIS dan JPPH bertukar-tukar pandangan berhubung penilaian modal dan pengurusan dalaman selain membincangkan pihak MAIS berhasrat melantik JPPH untuk membuat penilaian harta ke atas semua hartanah MAIS yang merangkumi harta Baitulmal, Faraid, dan Wakaf di setiap daerah negeri Selangor.Turut serta dalam lawatan ini ialah Dr. Zulkifli bin Abd Hamid, Ketua Sektor Iktisad, Encik Mohd Farid bin Baharon, Pengurus, Bahagian Pembangunan Hartanah, Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid, Pengurus Bahagian Harta Baitulmal. dan Encik Mohd Halil bin Masdar, Eksekutif, Seksyen Hartanah.

8 MEI

Satu majlis penyerahan tiket dan sumbangan kepada peserta yang terpilih dalam program 'Umrah Seringgit Sejuta Nilai (USSI)' anjuran bersama Karyawan Bestari Sdn.Bhd dan Yayasan Basmi Kemiskinan yang telah disampaikan oleh Y.B Senator Mej. Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Dewan Syarahan, Masjid Negara yang lalu. Program ini telah dilancarkan dengan rasmi pada 17 Februari 2012 dengan menggerakkan tabung bagi mengumpul sumbangan dari orang ramai bernilai RM 1 bagi tujuan membantu golongan miskin menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah. Salah seorang penerima sumbangan adalah Muallaf dari negeri Selangor iaitu Encik Omar Ravi bin Abdullah, berumur 42 tahun, berasal dari Sungai Burong, Sekinchan Selangor. Beliau salah seorang muallaf yang aktif dengan program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Dan Pembangunan Muallaf, MAIS Daerah Kuala Selangor selain melibatkan diri dalam program berbentuk pengukuhan keagamaan anjuran Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) di sekitar Kuala Lumpur seperti PERKIM dan sebagainya. Selain daripada tiket penerbangan dan sumbangan wang ringgit, para peserta juga turut menerima pelbagai produk tajaan daripada syarikat korporat seperti buku panduan umrah dan haji, vitamin dan makanan kesihatan, beg pakaian serta kain ihram.

Peserta akan bertolak ke tanah suci untuk menunaikan ibadah Umrah pada 11 Mei 2012 dan akan kembali ke tanah air pada 24 Mei 2012. MAIS merakamkan setinggi tahniah dan mengharap agar peserta dapat melaksanakan ibadah umrah degan baik.

9 MEI

Seramai lapan orang kakitangan dari JAKIM (Cawangan Sabah) telah mengadakan lawatan kerja ke MAIS bagi mengetahui perjalanan organisasi MAIS dan Anak Syarikat. Lawatan kerja ini diadakan yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Al-Mukarramah, Bangunan Sultan Idris Shah. Rombongan JAKIM diketuai Haji Ahmad Zaki bin Haji Arsad, Pengarah JAKIM (Cawangan Sabah) bersama kakitangan yang lain. Pelbagai persoalan dan pandangan di antara kedua-dua belah pihak semasa perbincangan dijalankan. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS. Turut serta dalam perbincangan ini ialah Ketua Sektor Pengurusan Korporat, Ketua Sektor Iktisad dan Pengurus-Pengurus Bahagian yang lain. Di penghujung majlis, kedua-dua pihak saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenangan akan terjalinnya hubungan di antara dua institusi agama.



11 -13 MEI

Bahagian Pemulihan Al - Riqab MAIS melalui Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, telah menganjurkan Kursus Teambuilding Bagi Pegawai-Pegawai Bahagian Pemulihan Al-Riqab Siri Kedua bertempat di Dusun Eco Resort. Kursus siri kedua ini diadakan melibatkan seramai 31 orang pegawai mewakili Unit Penyelarasan Al-Riqab, Unit Dakwah Hospital, Unit Penasihatan Akidah Jabatan Mufti Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memupuk budaya kerja berpasukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan, meningkatkan motivasi dan kesedaran ke arah perubahan, menerap dan membangunkan nilai-nilai kepimpinan serta mengeratkan hubungan silaturrahim dan nilai kasih sayang sesama insan. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti latihan dalam kumpulan, aktiviti flying fox, paintball, explorace dan lain-lain lagi. Semoga program ini dapat mewujudkan satu nilai kebersamaan serta dapat melahirkan warga kerja yang peka dan produktif untuk mencapai matlamat yang dituju.

11 MEI

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, MAIS telah menerima lawatan kerja saudara kita (muallaf) Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Darus Saadah yang lalu. Seramai 36 orang peserta muallaf termasuk pegawai pengiring dari JAIPP dan Darus Saadah hadir untuk mendapatkan maklumat berhubung fungsi dan aktiviti Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, MAIS berkaitan Pengurusan Pendaftaran dan Rekod Muallaf yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Anwarulhaq Bin Sulaiman, Penolong Pengurus (Pendidikan Muallaf). Turut hadir Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengurus Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Muallaf. Di akhir lawatan, sesi soal jawab diadakan khususnya berkaitan muallaf terutama yang melibatkan aktiviti-aktiviti, kebajikan dan kursus yang dijalankan untuk muallaf di negeri Selangor dan diharap perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama mereka.

16 MEI

Satu kunjungan hormat daripada Y.Bhg. Setiausaha MAIS, Encik Mohd Haniff bin Hassan kepada Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor, Y.A.A. Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan isu-su semasa yang melibatkan statistik kes-kes jenayah Syarie di Mahkamah Syariah. Kunjungan hormat ini bertempat di Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah yang lalu. Turut serta Puan Siti Zurinah binti Zainal Abidin, Penasihat Undang-undang MAIS dan Ustaz Fahimi bin Mohamad Madani, Pegawai Syariah MAIS. Perjumpaan seumpama ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara MAIS dengan JAKESS.

10 – 11 MEI

Seramai lapan (8) orang Pegawai dan Kakitangan Seksyen Baitul Salam, Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Muallaf diketuai oleh Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik telah mengadakan lawatan kerja ke tiga (3) buah rumah perlindungan muallaf yang lalu. Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat dan menimba pengetahuan serta bertukar-tukar maklumat dan pandangan berkaitan pengurusan dan pentadbiran rumah muallaf di negeri Pahang, selain dapat mengemaskini dan menambahbaik struktur sosio ekonomi muallaf di negeri Selangor. Antara rumah perlindungan muallaf yang dilawati ialah Desa Bina Diri, Jerantut Pahang, Pusat Komuniti Perumahan Sepadu, Bukit Kenau Pekan Pahang dan Kompleks Asnaf di Kuantan Pahang.

21 MEI

Unit Kebajikan Muallaf, Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Muallaf telah menyumbangkan sebuah motosikal tiga roda khas untuk orang kurang upaya (OKU) kepada Encik Abdullah Gunalan bin Ramanathan. Penyerahan motosikal ini disampaikan oleh Ustaz Muhammad Zulhusni bin Abdul Rashid, Penolong Pengurus (Unit Pembebasan Al-Riqab), Bahagian Pemulihan Al-Riqab yang lalu bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah. Sumbangan ini merupakan sumbangan bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh beliau. Selain sumbangan motosikal, antara bantuan yang diterima oleh Encik Abdullah ialah bantuan kecemasan berbentuk kewangan, bantuan sewa rumah dan peralatan asasi rumah.

24 MEI

MAIS telah mengadakan lawatan ke Petronas Resource Centre (PRC) di KLCC Kuala Lumpur, sempena Bulan Inovasi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Lawatan ini merupakan pengalaman berharga kepada 30 orang pegawai MAIS diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS bagi mengetahui dan memahami serta menimba ilmu baru berkaitan konsep *'learning commons'* yang semakin menjadi perhatian semua perpustakaan di seluruh dunia. Konsep ' learning commos' yang lebih bersifat santai merupakan pendekatan yang lebih kepada persekitaran yang kaya dengan teknikal IT berorentasikan perkhidmatan terbuka kepada semua komuniti. Selain itu rombongan MAIS juga berpeluang melihat persekitaran ' skybridge' di tingkat 42 Menara Kembar Petronas, KLCC bagi merasai pemandangan ibu Kota Kuala Lumpur. Lawatan selama setengah hari ini di akhiri dengan penyampaian cenderamata antara MAIS dan PRC.

24 MEI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan Cek Geran Tahunan Rumah Pemulihan Al-Riqab kepada 16 buah rumah pemulihan Al-Riqab yang berdaftar di bawah MAIS pada 24 Mei yang lalu. Semua rumah pemulihan Al-Riqab menerima bantuan antara RM10,000, RM20,000 dan RM30,000 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM350,000. Daripada jumlah ini, bantuan ini telah diperuntukkan kepada rumah pemulihan yang menawarkan khidmat perlindungan, pemulihan dan rawatan. Bantuan ini merupakan bantuan fasa pertama bagi tahun 2012 bertujuan menambah dana bagi membantu rumah pemulihan Al-Riqab dalam mengendalikan perkhidmatan pemulihan dan rawatan. Sumbangan yang menggunakan asnaf Al-Riqab melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) ini disampaikan oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS. Antara rumah pemulihan yang menerima bantuan ialah Rumah Pemulihan PERKID Selangor, Hulu Langat (RM30,000), PROKIM Malaysia, Ampang (RM30,000), Pusat Bimbingan Remaja Raudahatus Sakinah, Bandar Melawati, Kuala Lumpur (RM20,000) dan Rumah Pemulihan Akhlak Hidayah Insani, Klang (RM10,000).

25 - 27 MEI

Sukan Kebajikan (KSK) MAIS telah mengadakan ekspedisi menawan Gunung Lambak, yang berketinggian 700 meter. Peserta yang terlibat tiba di Kluang pada jam 9 malam dan menginap di Intan Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) selama 3 hari 2 malam. Tujuan utama ekspedisi ini ialah bertujuan untuk mengeratkan semangat kerjasama berpasukan disamping memastikan semua pegawai MAIS dapat mengekalkan tahap kecergasan mereka. Aktiviti yang disertai seramai 50 pegawai MAIS termasuk Setiausaha MAIS, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ketua-ketua Sektor. Program ini dirasmikan oleh Setiausaha MAIS, En. Mohd Haniff Bin Hassan disusuli dengan sesi taklimat pendakian oleh pegawai IKWAS dan berakhir dengan ucapan daripada Tn Hj Aziz Bin Mohamad selaku Pengarah IKWAS, Kluang. Para peserta juga telah dibahagikan kepada 5 kumpulan dan kelengkapan pendakian. Pendakian bermula pada jam 9 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Di akhir program, turut diadakan majlis penyerahan sijil dan ucapan perasmian penutup oleh Setiausaha MAIS.

25 -27 MEI

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada remaja asnaf al-Riqab telah mengikuti Kem Sinar Harapan bertempat di Nur Laman Bestari Eco Resort, Ulu Yam anjuran Bahagian Dakwah JAIS dengan kerjasama Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS dan Pejabat Kebajikan Masyarakat. Program ini bertujuan membimbing para peserta untuk rasa kehambaan kepada Allah S.W.T disamping memberi penekanan nilai-nilai murni sebagai seorang remaja bagi membentuk jati diri yang cemerlang. Di antara aktiviti yang dijalankan semasa kem berlangsung adalah sesi segar minda, penerangan serta praktikal mandi wajib, flying fox, jungle trakking (Ikhtiar Diri) dan River Crossing. Program ini disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

28 -30 MEI

Kursus TOT Baca, Al-Quran Menggunakan Kaedah Al-Jabari telah diadakan di Concorde Inn, KLIA. Kursus ini dianjurkan oleh Yayasan Pendidikan Al-Jabari, Indonesia dengan kerjasama Yayasan Semesta Berdaftar, Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya dan Unit Pendidikan Muallaf, Bahagian Pergurusan Dan Pembangunan Muallaf (MAIS). Seramai 20 orang peserta dikalangan panel dakwah muallaf negeri Selangor terlibat dalam kursus ini yang diadakan selama 3 hari 2 malam bertujuan memperkenalkan dan menerangkan konsep pengajaran mengenai kaedah membaca serta menulis Al-Quran menggunakan kaedah Al-Jabari yang dibawa oleh Yayasan Jawa Barat, Indonesia. Majlis ini dirasmikan oleh Ustaz Mohd Anwarulhaq Bin Sulaiman, Penolong Pengurus (Pendidikan Muallaf). Di akhir kursus, peserta yang lulus dinilai oleh tenaga pengajar untuk diberikan sijil khas bagi mengajar kaedah tersebut di Malaysia khususnya di Selangor. Majlis perasmian penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ketua Sektor Pembangunan Sosial (MAIS), Ustaz Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik.

30 MEI

Satu majlis penyerahan cek telah diadakan pada 30 Mei 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Al- Mukarramah, Bangunan Sultan Idris Shah. Penyerahan cek hasil manfaat wakaf ini disampaikan oleh Timbalan Setiausaha MAIS, Ustaz Abdul Halem Hapiz Bin Salihin kepada 11 penerima hasil manfaat wakaf. Antara penerima manfaat wakaf ini adalah Masjid Al- Hasanah Bandar Baru Bangi, Masjid Jamek Pekan Kajang, Masjid Ar-Raudhah Pekan Tanjung Karang, Masjid Al- Azim Pandan Indah, Masjid Jamek Samadiah Pelabuhan Klang, Masjid Darul Ehsan Taman Tun Abdul Razak, Masjid Taman Cheras Kajang, Sekolah Rendah Agama Pekan Meru Klang, Asrama Damai Rumah Anak Yatim Kuang, Masjidal- Muflihin Sg. Burong Sekinchan, Masjid Marzukiah Kg. Lubuk Pusing Sg Besar.



06 JUN

7 JUN

Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan MAIS telah mengikuti Kursus Pemahaman Undang-undang: Tadbir Urus Hartanah MAIS yang dianjurkan oleh Bahagian Undang-undang yang lalu bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah. Kursus selama sehari ini disampaikan oleh Puan Nurul Muhaniza binti Hanafi daripada Tetuan Abu Zahar Syed Mohd Fuad & Partners. Menerusi kursus ini, para peserta kursus diberi pendedahan mengenai konsep perjanjian jual beli, perjanjian pajakan di samping sesi soal jawab berkaitan pengurusan tadbir urus yang melibatkan hartanah MAIS.

7 JUN

MAIS telah menerima kunjungan dari Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) diketuai oleh Tuan Haji Abdul Malik bin Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs. Delegasi seramai 8 orang ini disambut mesra oleh ustaz Abdul Halim Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Ketua-ketua sektor yang lain. Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin dan bertukar-tukar pandangan berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Wakaf dan Kaedah Pengurusan Hal Ehwal Zakat. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan diadakan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara MAIPs dan MAIS.

14 – 15 JUN

Program Peralihan Data Siri 2 untuk Perpustakaan Wakaf MAIS telah diilhamkan oleh pensyarah dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial bagi kursus Diploma Sains dan Perpustakaan, UNISEL bertujuan memdedahkan para pelajar kepada dunia sebenar pengurusan perpustakaan secara teori dan teknikal. Program ini telah berlangsung selama 2 hari yang melibatkan 14 orang pelajar UNISEL termasuk seorang pensyarah iaitu Puan Fadliah Binti Darini. Program peralihan data ini bermula daripada proses awalan iaitu mengkatalog buku secara manual, perkomputeran (Sistem V-Lib) dan sehingga menyusun buku ke atas rak mengikut nombor panggilan buku tersebut. Program ini juga bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi pegawai-pegawai Perpustakaan Wakaf MAIS disamping perkongsian ilmu pengetahuan yang baru bersama pensyarah dan para pelajar UNISEL dalam program ini.

22 – 24 JUN

Bengkel Penulisan Buku Teks Tahap 1 kali ke-8 telah diadakan di Awana Hotel & Resorts Genting Highland yang lalu anjuran Unit Pendidikan Mualaf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, MAIS. Bengkel penulisan ini memfokuskan kepada proses akhir mentashih buku teks muallaf kali ke-2 setelah dimurnikan bersama para penulis buku yang diadakan pada 7-9 Jun yang lalu. Objektif bengkel kali ini menitik beratkan proses akhir penyediaan buku teks selepas dimurnikan oleh penulis buku di samping menyemak dan mengemaskinikan buku teks yang telah dimurnikan selaras dengan Sukatan dan Huraian Pelajar Saudara Kita. Bengkel yang diadakan selama 2 hari ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Profesor Madya Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Ahli MAIS, turut dihadiri oleh lima orang pentashih, lapan orang penulis dan empat orang pencatat. Secara kesimpulannya, bengkel ini telah berjaya mencapai matlamat di dalam proses semakan bacaan akhir dan pengesahan konsep buku teks muallaf di negeri Selangor dan diharap agar buku teks yang dilaksanakan ini menjadi bahan rujukan yang mudah dibaca dan difahami oleh muallaf.

26 – 28 JUN

Sektor Pembangunan Sosial MAIS melalui Bahagian Pemulihan Al-Riqab telah menganjurkan Bengkel Penggubalan Modul Istitabah Pusat Pemurnian Akidah (Baitul Iman) Siri ke-3 bertempat di Dynasty Hotel. Melibatkan tenaga pemikir daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Jabatan Syariah & Perundangan Universiti Malaya, Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia, Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam UiTM, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Jabatan Perubatan Psikiatri Universiti Malaya, Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Pemfokusan bengkel diberi kepada tatacara pengendalian kes murtad, peraturan Istitabah, modul rawatan dan pemulihan kes murtad. Bengkel ini dirasmikan oleh Ustazah Hafizatul Akmal bt Abdul Jalil, Pengurus Bahagian Pemulihan Al-Riqab.

07 JULAI

29 JUN – 1 JULAI

Kursus Kecemerlangan Dan Jati Diri Muallaf Daerah Gombak telah diadakan bertempat di Impian Rimba Resort anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, PAID Gombak. Kursus ini merupakan program team building yang dihadiri seramai 27 orang peserta di kalangan muallaf bagi membangunkan individu ke arah kecemerlangan diri dan membentuk keperibadian yang sempurna di samping kecergasan fizikal, mental dan rohani. Antara aktiviti yang dijalankan dalam kursus ini ialah solat berjemaah, aktiviti halangan, jungle tracking, aktiviti berkumpulan (indoor) dan slot ceramah. Melaui program yang dianjurkan ini, diharap para peserta muallaf dapat menimba pengalaman yang secukupnya dari segi kepimpinan dan semangat berpasukan bagi melahirkan seorang muslim dan muslimah yang sejati.

6 – 8 JULAI

Seramai 34 peserta dikalangan muallaf daerah Gombak telah menyertai Kursus Kesempurnaan Solat dan Muhasabah Diri Muallaf Daerah anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, Pejabat Agama Islam Daerah Gombak yang lalu bertempat di Lembah Azwen Resort. Kursus ini memberi peluang kepada muallaf untuk memantapkan solat, walaupun telah didedahkan pada kursus asas saudara baru oleh peserta, kursus ini lebih menekankan aspek kesempurnaan solat dari pelbagai sudut melalui solat berjemaah, slot ceramah, praktikal solat dan wudhu' dan muhasabah diri. Dalam pada itu, para peserta bukan sahaja dapat menambah ilmu berkaitan ibadah solat tetapi dibimbing oleh pembimbing yang bertauliah secara khusus dan terperinci mengenai solat selain program qiamullail yang dapat membentuk kerohanian dalam hati para peserta. Kursus ini dirasmikan oleh Ustazah Azlina binti Soaed, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Undang-undang Keluarga PAID Gombak.

10 JULAI

Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman MAIS telah dikunjungi oleh delegasi Bahagian Zakat, Baitulmal dan Wakaf, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) pada 10 Julai yang lalu. Delegasi MAIJ diketuai oleh Ustaz Mustafa bin Omar, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Zakat, Baitulmal dan Wakaf MAIJ bersama 26 orang pegawai dan kakitangan MAIJ. Lawatan selama sehari ini bermula pada sebelah pagi dengan kunjungan ke Baitul Ehsan disambut mesra oleh Ustaz Mohd Makhi bin Adnan, Penguasa Baitul Ehsan disusuli pada sebelah petang dengan kunjungan ke Baitul Iman di Kuala Kubu Bharu, Selangor disambut baik oleh Ustaz Izhar bin Ismail, Penguasa Baitul Iman. Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat yang secukupnya berhubung operasi dan penubuhan serta perjalanan organisasi Baitul Ehsan dan Baitul Iman sebagai rujukan untuk diadakan rumah pusat perlindungan di Johor kelolaan MAIJ. Program berakhir dengan lawatan sekitar Baitul Ihsan dan Baitul Iman termasuk Bangunan baru Baitul Iman di Hulu Yam Selangor.

10 JULAI

MAIS telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Masjid dan Surau Negeri Selangor di Hotel Holiday Villa, Subang dan telah dirasmikan oleh Setiausaha MAIS Tuan Haniff bin Hassan. Program ini bertujuan bagi menangani permasalahan serta isu di masjid dan surau serta memperkasakan lagi kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Surau Negeri Selangor. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 50 orang peserta di kalangan Ahli MAIS, Orang Besar Daerah, Bahagian Pengurusan Masjid dan Penguatkuasaan JAIS, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, PTA Daerah, Penasihat Undang-Undang SUK, Bahagian Undang-Undang MAIS, Jabatan Mufti dan Ketua-ketua Sektor MAIS. Taklimat Bengkel disampaikan oleh YBhg. Dato' Aidit bin Ghazali, Ahli MAIS selaku fasilitator bengkel. Isu-isu yang disentuh antaranya adalah Kawalan Ceramah dan Kuliah, Penyelesaian Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Kariah Masjid, Pengukuhan Kerjasama Antara Agensi-agensi Pentadbiran Penguatkuasaan Dalam Mengharmonikan Pentadbiran Masjid, Pengurusan Konflik Dalam Mengharmonikan Pemilihan Jawatankuasa Masjid dan Pengimarahan Masjid Sebagai Pusat Komuniti Setempat. Hasilnya, ahli bengkel bersetuju bahawa satu Kertas Cadangan Resolusi Bengkel Pengukuhan Masjid dan Surau Di Negeri Selangor akan dibentangkan pada Mesyuarat MAIS bil 4/2012 pada 17 Julai ini.

18 – 19 JULAI

Bengkel Penggubalan Modul Istitabah bagi kumpulan Kerohanian (Perawatan) Siri III telah diadakan bertempat di Hotel Quality Shah Alam. Bengkel ini diketuai oleh Ahli Panel Penggubal, Prof. Dr. Jahit Bin Haji Sidek, mantan pensyarah Universiti Malaya (UM), Encik Ahmad Najaa' Bin Mokhtar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Encik Mohd Shirazi Bin Md Sahari daripada Jabatan Mufti Selangor, Encik Azezul Azery Bin Zulazmi daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Puan Hafizatul Akmal Binti Abdul Jalil, Pengurus Bahagian Pemulihan al-Riqab MAIS dan juga Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman MAIS, Encik Izhar Bin Ismail. Objektif bengkel pada kali ini adalah untuk mengemaskini Modul Istitabah (Perawatan), bagi melahirkan perawat dan seterusnya menggunapakai kaedah pelaksanaannya ke atas pelatih di Baitul Iman. Secara keseluruhannya bengkel ini berjaya mencapai objektif yang telah disasarkan. Bengkel akan datang dijangka dilaksanakan pada bulan September 2012 dan keseluruhan modul dijadualkan siap pada bulan Disember 2012 untuk pelaksanaan pada tahun 2013.

23 JULAI

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM7.7 juta daripada tiga anak syarikat Kerajaan Negeri, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Worldwide Holdings Berhad (WHB) bersempena majlis berbuka puasa bersama baginda di Masjid Negeri, di sini, semalam. PKNS menunaikan zakat perniagaan RM4,391,721.02, diikuti PNSB RM2,041,366.71 manakala WHB sebanyak RM1,364,912. Baginda turut berkenan menyampaikan Anugerah Tokoh Usahawan Asnaf Cemerlang kepada lima usahawan terbaik negeri iaitu Muhamad Burhan Salikon bagi Kategori Perniagaan Makanan, Mohd Yatim Ab. Ghani (Kategori Perniagaan Bergerak), Sharifah Surit (Kategori Perniagaan Perkhidmatan), Sheikh Abd Rahim Sheikh Yahya (Kategori Peniagaan Peruncitan Dan Pembuatan) serta Sakilla Hanis Mohamed (Perniagaan Asas Tani). Dalam majlis itu, baginda turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada 250 orang fakir dan miskin, 130 orang anak-anak yatim serta 125 orang saudara baru bagi meringankan beban golongan berkenaan dalam menyambut Ramadhan serta persiapan menyambut hari raya nanti. Hadir sama dalam majlis itu, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, Dato' Menteri Besar Selangor dan Pengerusi MAIS, Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa. Sementara itu, Pengerusi MAIS dalam ucapannya berkata bahawa bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, LZS telah mengutip zakat sebanyak RM146.9 juta iaitu meningkat 15 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas, dengan agihan, berjumlah RM189.7 juta iaitu meningkat sebanyak 22 peratus. "Berkat daulat dan nasihat Tuanku, kutipan zakat di negeri ini terus meningkat sehingga mencapai RM393.5 juta pada tahun 2011 dengan agihan berjumlah RM371.7 juta dan bagi tahun 2012 iaitu pada tahun ini sasaran kutipan zakat sebanyak RM430 juta", katanya. Beliau juga turut mengingatkan agar masjid dan surau di negeri ini dijadikan tempat beribadat bukan tempat penganjur ucapan politik. "Jadikan masjid dan surau ini sebagai tempat beribadat bukan tempat untuk berpolitik, oleh yang demikian Nazir Masjid atau Pengerusi Surau adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada amanah yang telah diberikan oleh MAIS untuk menentukan hala tuju masjid dan surau di kariah masing-masing,". Katanya lagi.



25 JULAI

Penduduk taman perumahan sekitar Kampung Pulau Meranti kini gembira apabila Masjid Meranti dibina pada tahun 2006 dengan kos RM6.1 juta yang mampu menampung 1,000 jemaah orang pada satu-satu masa telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di sini, semalam. Pada Majlis Berbuka Puasa D.Y.M.M Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Perasmian Masjid di Pulau Meranti itu, D.Y.M.M Sultan Selangor diiringi Raja Muda, Tengku Amir Shah turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada kepada 491 penerima terdiri di kalangan anak-anak yatim, fakir, miskin dan saudara baru di Daerah berkenaan. Daripada jumlah itu, seramai 230 penerima adalah asnaf fakir dan miskin diikuti 125 penerima saudara baru dan 136 penerima anak yatim. Turut hadir majlis ini Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dan Dato' Haji Marzuki bin Hussin, Pengarah JAIS.

08 OGOS

1 OGOS

Program Ihya' Ramadhan Peringkat Negeri Selangor diteruskan dengan Majlis Berbuka Puasa DYMM Tuanku Bersama Rakyat yang diadakan di Masjid Al-Ehsan, Bandar Kinrara. Pada majlis ini, DYMM Sultan Selangor telah berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 530 orang asnaf fakir, miskin, anak yatim serta saudara baru. Daripada jumlah ini, 73 orang merupakan asnaf fakir, 204 orang asnaf miskin, 128 orang anak yatim dan 124 orang asnaf saudara baru. Semua penerima menerima sumbangan RM400 setiap seorang, manakala anak yatim sebanyak RM100 seorang. Sementara itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperuntukkan sebanyak RM17,527,450 bantuan zakat untuk diagihkan kepada 22,923 keluarga fakir dan miskin di Selangor bagi memberi mereka peluang membuat persiapan menyambut bulan Ramadhan dan Hari Raya. Daripada jumlah itu, RM5,307,900 diagihkan kepada 6,859 keluarga asnaf fakir, manakala RM12,219.550 diagihkan kepada 16,064 keluarga asnaf miskin dengan masing-masing menerima antara RM550 hingga RM1,000 bergantung kepada jumlah tanggungan.

4 OGOS

Bagi meraikan muallaf sekitar Hulu Langat di bulan Ramadhan, satu program Berbuka Puasa Bersama Muallaf telah diadakan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat anjuran Unit Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, Daerah Hulu Langat. Program yang disertai seramai 130 orang muallaf ini merupakan program tahunan berbuka puasa muallaf beramai-ramai bertujuan memberi pendedahan ibadah pada bulan Ramadhan di samping berbuka puasa berjemaah bagi merapatkan hubungan silaturrahim. Selain berbuka puasa, turut diadakan tazkirah Nuzul Quran, Penyampaian Anugerah Pelajar Mithali, Penyampaian Anugerah Nuzul Quran dan Majlis Tasmi' Hafazan serta Majlis PengIslaman Saudara Baru. Majlis ini dirasmikan oleh Y.D.H Tuan Abdul Jalil bin Dato' Engku Rani, Pemangku Orang Besar Daerah Hulu Langat. Majlis ini berakhir dengan dengan bersolat Isya' dan bertarawikh berjemaah bersama-sama dengan urusetia yang terlibat.

4 OGOS

Bagi mengukuhkan ikatan muhibah di kalangan bangsa pelbagai kaum dan agama, satu majlis berbuka puasa bersama pemimpin persatuan non-muslim 1432H telah diadakan di Hotel Equatorial yang lalu anjuran bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Perpaduan & Intergrasi Nasional dan Saba Islamic Media Sdn Bhd. Majlis yang bermula pada pukul 5.30 petang sehingga 10 malam itu bertujuan mengeratkan hubungan jalinan ukhwah di antara MAIS serta wakil-wakil NGO dengan pemimpin-pemimpin persatuan non-muslim di samping mengenali budaya dan agama masing-masing. Majlis ini dimulai dengan ucapan aluan daripada Y.Bhg. Puan Sabariah Abdullah, Setiausaha Saba Islamic Media Sdn Bhd, diikuti sesi berkongsi pandangan oleh pemimpin-pemimpin pelbagai agama. Selepas berbuka puasa, majlis diteruskan lagi dengan ucapan perasmian oleh Y.Bhg. Tuan Mohd Hanniff bin Hassan, Setiausaha MAIS. Antara yang hadir dalam majlis ini ialah pemimpin persatuan agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao.

7 OGOS

MAIS melalui Bahagian Pemulihan al-Riqab telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Asnaf Al-Riqab dan Penyampaian Sumbangan kepada Rumah Pemulihan Al-Riqab bertempat di Rumah Kebajikan Darul Islah Sungai Air Tawar. Majlis turut disertai daripada Bahagian Sosial, Keluarga dan Komuniti JAKIM yang diketuai oleh Yang Berbahagia Ustaz Zakuan Sawai, Ketua Penolong Pengarah Kanan JAKIM yang turut menyampaikan sumbangan kepada Rumah Pemulihan Al-Riqab. Selain meraikan asnaf riqab di Rumah Kebajikan Darul Islah, majlis turut diserikan dengan kehadiran asnaf riqab daripada Rumah PENAWAR, Baitul Islah dan Rumah Kebajikan Darul Islah Lil Banat. Antara objektif program seumpama ini diadakan adalah untuk meraikan asnaf-asnaf Al-Riqab sebagai manusia yang berguna kepada masyarakat dan menyemai kesedaran dan keinsafan kepada asnaf Al-Riqab yang terbelenggu dengan masalah sosial. Melalui program ini, secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi ukhwah antara pihak MAIS, Pengusaha Rumah Pemulihan Al-Riqab dan asnaf-asnaf yang berada di rumah tersebut.

13 OGOS

Seramai enam orang pegawai daripada Unit Syariah dan Unit Guaman Syarie, Bahagian Undang-Undang telah menerima Watikah Pelantikan Peguam Syarie MAIS yang disampaikan oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS. Pelantikan ini bagi memberi kuasa kepada pegawai MAIS untuk hadir dan bertindak dalam mana-mana prosiding di Mahkamah Syariah Negeri Selangor sebagai Peguam Syarie. Penerima watikah diketuai oleh Ustaz Fahimi bin Mahamad Madani, Pegawai Syariah, Bahagian Undang-undang MAIS.

13 OGOS

Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang telah diadakan di Dewan Kuliah, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Hulu Selangor. Majlis ini merupakan salah satu pengisian program bersempena sambutan Ihya' Ramadhan bagi tahun 1433H. Majlis yang bermula pada jam 10.00 pagi ini dirasmikan oleh Yang Dihormatkan Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Dato' Haji Aman Shah Bin Mohd Shahar, Orang Besar Daerah Hulu Selangor. Program bermula dengan acara tadarus Al-Quran oleh pelatih-pelatih dan majlis berakhir dengan penyampaian cenderahati kepada guru-guru pembimbing dan peserta-peserta tadarus yang disampaikan oleh Orang Besar Daerah Hulu Langat. Turut hadir majlis ini ialah Tuan Zainizan Bin Ismail, Pegawai Tadbir Agama Daerah Hulu Selangor, Puan Hafizatul Akmal Binti Abdul Jalil, Pengurus Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS dan Ustaz Izhar Bin Ismail, Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman.

14 OGOS

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj berkenan menyerahkan sumbangan buku berjumlah 1414 buah kepada Perpustakaan Raja Tun Uda. Sumbangan buku-buku ini dibeli dengan menggunakan peruntukan Wang Tidak Patuh Syariah atau Wang Syubhah sebanyak RM60,000 yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pengumpulan wang syubhah oleh MAIS ini digunakan untuk kepentingan masyarakat umum yang manfaat kepada orang Islam dan bukan Islam. Wang syubhah ialah wang yang dihasilkan daripada aktiviti yang tidak diketahui status halal atau haram dan bercampur dengan perkara yang dilarang oleh syariah. Buku-buku yang disumbangkan terdiri daripada pelbagai topik merangkumi pendidikan, politik, siasah, sejarah, motivasi dan sebagainya untuk pembaca yang beragama Islam dan bukan Islam. Turut hadir dalam majlis ini ialah Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dan Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS.



15 OGOS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan bantuan bina rumah kepada mualaf orang asli. Seramai 7 orang penerima sekitar Kuala Langat telah menerima bantuan bina rumah yang disampaikan oleh Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS. Bantuan bina rumah ini merupakan salah satu bantuan yang diberikan oleh MAIS berdasarkan permohonan mualaf yang layak dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat pemohonan untuk mendapatkan bantuan bina rumah ini ialah pengislaman di bawah 5 tahun, mempunyai tanah sendiri dan perlu mendapatkan surat sokongan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Sumbangan yang menggunakan asnaf mualaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) ini memperuntukkan sebanyak RM38,000 bagi setiap permohonan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM266,000. Penerima terdiri daripada penduduk Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Kampung Orang Asli Bukit Perah, Kampung Orang Asli Bukit Serdang, Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, dan Kampung Orang Asli Sri Cheeding.

30 OGOS

Satu majlis Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan MAIS bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 yang dipengerusikan oleh Y.A.D Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Ketua Pengarah Audit Negara telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Mukarramah. Turut hadir Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS dan Encik Mohd Haniff bin Hassan, Setiausaha MAIS.

09 SEPTEMBER

9 SEPT

Sungai Petani – Bagi memberi kefahaman dan penghayatan Islam secara lebih dekat serta mendalam kepada pelajar mualaf, MAIS telah menghantar seramai 22 orang pelajar mualaf di setiap daerah negeri Selangor tajaan MAIS untuk mengikuti Program Bimbingan Islam (Asas) bertempat di Pusat Bimbingan Islam Saudara Baru (PUSBA), Kedah pada 9 September yang lalu.

Program bimbingan ini dijadualkan selama 4 bulan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mualaf mengenai Islam selain aktiviti-aktiviti keagamaan seperti ceramah agama, latihat solat dan pelbagai program kefahaman Islam. Selain itu juga, program seumpama ini berperanan untuk membendung daripada berlakunya gejala murtad di kalangan saudara baru.

Kesemua pelajar ini diuruskan sepenuhnya oleh Unit Pendidikan Mualaf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf diketuai oleh Ustaz Anwarulhaq bin Sulaiman Penolong Pengurus, Unit Pendidikan Mualaf dan Ustaz Mohamad Harith bin Hamdan, Eksekutif Kokurikulum dan Pentaksiran, Unit Pendidikan Mualaf.

20 SEPT

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan Cek Geran Tahunan Rumah Pemulihan Al-Riqab bagi Fasa Kedua Tahun 2012 kepada 16 buah rumah pemulihan Al-Riqab yang berdaftar di bawah MAIS.

Semua rumah pemulihan Al-Riqab menerima bantuan antara RM10,000 hingga RM30,000 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM230,000. Daripada jumlah ini, bantuan ini telah diperuntukkan kepada rumah pemulihan yang menawarkan khidmat perlindungan, pemulihan dan rawatan bertujuan menambah dana bagi membantu rumah pemulihan Al-Riqab.

Bantuan ini merupakan bantuan fasa kedua bagi tahun 2012 di mana bantuan fasa pertama bagi tahun yang sama memperuntukkan sebanyak RM350,000.

Sumbangan ini disampaikan oleh Dr. Zulkifli bin Abdul Hamid, Ketua Sektor Pembangunan Sosial, MAIS.

Antara rumah pemulihan yang menerima bantuan ialah Rumah Pemulihan PERKID Selangor, Hulu Langat (RM20,000), PROKIM Malaysia, Ampang (RM20,000), Pusat Bimbingan Remaja Raudahatus Sakinah, Bandar Melawati, Kuala Lumpur (RM15,000) dan Rumah Pemulihan Akhlak Hidayah Insani, Klang (RM10,000).



SEPT

PAHANG – Bagi memberi penerangan berkaitan peranan dan tugas Ketua Pendaftar Mualaf dan Pendaftar Mualaf, khususnya dalam konteks pemelukan Agama Islam, satu Bengkel Ketua Pendaftar Mualaf dan Pendaftar Mualaf Negeri Selangor telah diadakan di Hotel Heritage, Cameron Highland anjuran Bahagian Pengurusan dan Pembangunan mualaf baru-baru ini.

Dalam bengkel ini, seramai 9 orang Pegawai Tadbir Agama Daerah yang baru dilantik sebagai Pendaftar Mualaf negeri Selangor bersama 14 orang Eksekutif Unit Pendaftaran Mualaf, terlibat dalam bengkel ini yang melibatkan kakitangan ibu pejabat MAIS dan Pejabat Agama Islam Daerah.

Bengkel yang diadakan selama 3 hari ini bertujuan memberi penerangan kepada peserta mengenai proses dan prosedur berkaitan pengurusan pengislaman, pengurusan pendidikan serta pengurusan kebajikan asnaf mualaf.

Secara umumnya, bengkel ini dilaksanakan bagi berkongsi maklumat pengurusan pendaftaran mualaf berdaftar di negeri Selangor agar lebih tersusun dan teratur berpandukan garis panduan yang telah disediakan selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan Dan Pengajaran Bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009.

Majlis penutupan bengkel ini disempurnakan oleh Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengurus Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf.

29 SEPT

SHAH ALAM – Dr. Zakir Naik adalah satu nama yang cukup hebat di dalam arena dakwah Islam. Beliau bukan sahaja telah mengIslamkan beribu-ribu orang malah turut menghafaz Al-Quran, Kitab Taurat, Injil dan Buddha. Bagi mengenali secara lebih dekat dengan Dr. Zakir Naik, satu program ceramah perdana bersama Dr. Zakir Naik telah diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC) UiTM anjuran bersama MAIS dan CITU UiTM pada 29 September yang lalu.

Program yang diadakan bermula pada pukul 6.30 petang sehingga pukul 11.45 malam ini memberi peluang kepada tetamu yang hadir untuk mengutarakan soalan berkaitan agama. Dalam program ini, Dr. Zakir Naik telah menyampaikan ceramah yang bertajuk Universal Brotherhood dengan tema "Islam dan Keamanan".

Selain mengenali Dr. Zakir secara lebih dekat, program ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat umum dalam menjaga kesucian agama Islam selain dapat memperbetulkan persepsi masyarakat dalam soal tanggungjawab memartabatkan kesucian agama Islam.

Turut hadir dalam ceramah perdana ini ialah Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS, Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abdul Wahid, Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor, dan Y.Bhg Dato' Haji Marzuki bin Hussin, Pengarah JAIS.



10 OKTOBER

4 OKT

Sabak Bernam - Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah menerima kunjungan Y.D.H D.C.P Dato' Zubaidah bt Md Ismail, Timbalan Pengarah 1, Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman bersama 30 orang anggota PDRM pada 4 Oktober yang lalu.

Kunjungan ini disambut mesra oleh Ustaz Makhi bin Adnan selaku Penguasa Baitul Ehsan, bersama kakitangan dan pelatih-pelatih

Lawatan selama setengah hari ini bertujuan beramah mesra antara anggota PDRM bersama pelatih-pelatih Baitul Ehsan selain diadakan sesi dialog dengan pelatih-pelatih bersama Supt. Ong Chin Lan, Ketua Unit Jenayah Perlindungan Kanak-Kanak dan Wanita.

Pelbagai persoalan yang diutarakan oleh pelatih-pelatihberkaitan isu gejala social terutama yang melibatkan golongan wanita. Program berakhir dengan lawatan di sekitar Baitul Ehsan.

22 OKT

22 Okt 2012, Subang – Seramai 28 pegawai MAIS diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 dan Jasamu Dikenang yang diadakan di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya. 26 pegawai terdiri daripada penerima APC manakala 2 lagi adalah pesara yang turut diraikan bersama.

Majlis APC ini merupakan majlis anugerah yang diadakan setiap tahun di MAIS bagi mengiktiraf pencapaian prestasi yang cemerlang oleh pegawai Penerima APC dinilai berpandukan Garis Panduan Penilaian Prestasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Pekhidmatan Bil. 2/2004. Penerima anugerah menerima hadiah berupa sijil serta wang tunai yang disampaikan oleh YAD Dato' Setia Pengerusi MAIS.

Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah, semoga dengan penghargaan kepada kakitangan terbabit akan menambah motivasi kepada kakitangan MAIS yang lain untuk memberikan prestasi yang cemerlang pada masa hadapan di samping merealisasikan matlamat menjadikan MAIS sebagai sebuah institusi agama yang cemerlang dan dihormati.



OKT

Shah Alam – Program Jalinan Mahabbah Perpustakaan Wakaf MAIS bersama Tadika Kemas Permata, Seksyen 8 telah berlangsung dengan jayanya baru-baru ini bagi mendedahkan para pelajar tadika tentang kepentingan perpustakaan sebagai tempat mengumpul bahan pelajaran dan mencari ilmu.

Program yang diadakan selama setengah hari ini melibatkan kesemua pelajar tadika dan turut disertai oleh tenaga pengajar. Antara aktiviti yang diadakan ialah tarian "chicken dance" diikuti pertandingan mewarna, pertandingan padan dan warna, pertandingan melabel anggota badan dan pertandingan menyusun puzzle.

Selain merapatkan hubungan ukhwah, program seperti ini, secara tidak langsung dapat memperkenalkan Perpustakaan Wakaf MAIS kepada para pelajar, ibu bapa dan guru-guru di Tadika Kemas Permata supaya mereka mendapat maklumat tentang kepentingan perpustakaan dan berharap pelajar terbabit dapat menjadikan perpustakaan sebagai rumah kedua.

28 OKT

Sepang – MAIS bersama-sama PAID Sepang dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Kampung Orang Asli Kolam Air Bangkong, Dengkil pada 28 Oktober yang lalu. Antara kampung yang turut terlibat ialah Kg. Orang Asli Bukit Bangkong Kolam Air, Kg. Orang Asli Seberang Tasek dan Kg. Orang Asli Kubang Beras.

Ibadah korban ini dijayakan oleh seramai 200 orang dari kalangan muallaf dan keluarga yang bukan Islam dan seekor lembu dikorbankan. Dalam majlis yang sama, JAKOA turut meyumbang dua ekor lembu kepada penduduk tersebut. Ibadah Korban ini turut diraikan oleh Y.B. Dato' Marsom Bin Paing, Pegawai Tadbir Agama Sepang, Ustaz Hj. Abd. Halim Bin Hj. Mt Isa, wakil JAKOA Selatan Wilayah, Ustaz Abdullah Bin Ahmae dari JAKOA daerah, Batin Osman Abdullah dan Batin Mat Ajin.

11 NOVEMBER

2 NOV

Shah Alam – Satu majlis makan malam muallaf bersama Prof. Glenn Hardaker telah diadakan di Hotel Quality pada 2 November yang lalu anjuran Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS.

Majlis ini diadakan bagi meraikan kedatangan Prof. Glenn Hardaker, Pensyarah dan Pengkaji University Huddersfield, United Kingdom. Sebelum memeluk agama Islam, beliau merupakan seorang penganut agama Kristian dan telah memeluk agama Islam beberapa tahun yang lalu.

Kehadiran Prof. Glenn disambut baik oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Halim bin Tamuri, Pengerusi Jawatankuasa Mualaf Negeri Selangor dan Dr.Zulkifli bin Abd Hamid, Ketua Sektor (Pembangunan Sosial) bersama 60 orang peserta di kalangan mualaf yang berdaftar di bawah MAIS.

Pada majlis ini, Prof. Glenn telah berkongsi pengalaman dan cabaran beliau yang telah memeluk agama Islam selama 25 tahun kepada peserta yang hadir. Pelbagai persoalan dan pandangan daripada peserta terutama bagaimana beliau tertarik dengan agama Islam selain dapat berkongsi pandangan mengenai ajaran Islam.

Selain itu, hasil daripada penganjuran majlis ini, MAIS secara tidak langsung dapat menghimpunkan golongan muallaf profesional serta menjalinkan hubungan kemesraan antara MAIS dan golongan muallaf profesional demi kepentingan Islam pada masa akan datang.

9 HINGGA 11 NOV

Sabak Bernam – Muallaf Daerah Hulu Langat, dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kemahiran Amal Islami Muallaf (KAMIL MUALLAF) Peringkat Negeri Selangor kali ke-2 tahun 2012 bertempat di Institut Latihan dan Dakwah Islamiah (ILDAS) yang berlangsung selama 3 hari bermula pada 9 hingga 11 November 2012 yang lalu.

Daerah Hulu Langat memungut mata sebanyak 610 diikuti Daerah Sabak Bernam (540 mata), tempat kedua dan Daerah Hulu Selangor (300 mata) berada ditempat ketiga yang melibatkan seramai 180 orang peserta muallaf di setiap daerah Selangor.

Program yang diadakan pada setiap tahun ini, merupakan latihan bersepadu yang diwujudkan untuk mengenal pasti kebolehan muallaf dalam memahami pengetahuan agama Islam dan menentukan keupayaan muallaf dalam melaksanakan ibadah harian sebagaimana yang disyariatkan.

Melalui program yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf ini, secara tidak langsung dapat menilai kemahiran muallaf dari segi pengetahuan Islam melalui acara-acara yang dipertandingkan berdasarkan bimbingan dan latihan yang diperolehi daripada kursus dan kelas fardhu ain muallaf yang dilaksanakan oleh MAIS.

Antara acara yang dipertandingkan dalam Kamil Muallaf ini ialah Tilawah Al-Quran, Hafazan, Solat Berjemaah, Azan dan Iqamah, Praktikal Wuduk dan Tayammum, Kuiz (berkumpulan) dan Bercerita Kisah Nabi&Rasul.

Perasmian penutup disempurnakan oleh Y.D.H Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sabak Bernam, Dato' Haji Baharin bin Haji Mat Akhir. Turut hadir Dr.Zulkifli bin Abd Hamid, Ketua Sektor (Pembangunan Sosial) dan Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengurus Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf.

17 NOV

Shah Alam – Seramai 15 orang muallaf dari pelbagai daerah diraikan dalam Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Muallaf Peringkat Negeri Selangor Tahun 2012 anjuran Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf, MAIS bertempat di Intekma Resort pada 17 November yang lalu.

Semua penerima anugerah meliputi kategori Anugerah Usahawan Muallaf (2 orang), Anugerah Kecemerlangan Muallaf (8 orang), Anugerah Pembimbing Muallaf (4 orang) dan Anugerah Khas Jasamu Dikenang (1 orang).

Penerima anugerah bagi kategori Anugerah Usahawan Muallaf dan Anugerah Pembimbing Muallaf menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00 beserta sijil, manakala bagi kategori Anugerah Kecemerlangan Muallaf menerima wang tunai sebanyak RM300.00 – RM1,500.00 yang disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Aidit bin Ghazali, Ahli MAIS.

Program kecemerlangan muallaf ini merupakan majlis anugerah yang diadakan setiap tahun di MAIS bagi mengiktiraf pencapaian prestasi yang cemerlang oleh muallaf dalam bidang yang diceburi termasuk prestasi akademik pelajar-pelajar muallaf dari pelbagai peringkat di pengajian Master, Ijazah, Diploma, Sijil, STPM, SPM, PMR dan UPSR.

Sementara itu, dalam majlis yang sama, turut diadakan seminar Keusahawan Muallaf bagi memberi galakan kepada muallaf dalam bidang perniagaan bertujuan mewujudkan ikon usahawan serta ikon ilmuan Islam di kalangan muallaf seterusnya menjadi contoh kepada asnaf muallaf yang lain di samping menjadi pendorong kepada golongan "non muslim" mendekati Islam.

Semoga penganjuran program ini dapat memberikan impak yang positif di kalangan muallaf khususnya bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan mengukuhkan akidah dan pegangan Islam mereka dengan lebih baik lagi.



16 NOV

Shah Alam - Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Misri bin Haji Idris telah dilantik sebagai Setiausaha MAIS yang baru menggantikan Encik Mohd Haniff bin Hassan berkuatkuasa 16 November 2012.

Sebelum ini, Y.Bhg. Dato' berkhidmat sebagai Pegawai Daerah (gred M54), Pejabat Daerah &Tanah, Kuala Selangor.

Warga kerja MAIS mengucapkan selamat datang kepada Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Misri bin Haji Idris serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mohd Haniff bin Hassan yang telah menyandang jawatan sebagai Setiausaha MAIS selama 9 bulan.

25 NOV

Shah Alam – Seramai 500 orang sukarelawan dakwah yang terdiri daripada Kader MAIS, Panel Dakwah Muallaf (PDM), Penggerak Masyarakat Orang Asli, Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i) terlibat bagi menjayakan Program Jelajah Keamanan 2012 di seluruh negeri Selangor khususnya di kawasan tumpuan iaitu Lembah Klang anjuran MAIS pada 25 November yang lalu.

Menerusi program ini, sukarelawan dakwah akan bertemu mesra dengan masyarakat non-muslim di lokasi-lokasi seperti Pasaraya (Shopping Complex), Taman Perumahan, Taman Permainan, Kawasan Rekreasi, Perhentian Bas, Teksi sambil mengedar risalah berkaitan Keamanan Dalam Islam, Islam For All serta Muhammad S.A.W, Nabi orang Islam.

Di samping itu, sukarelawan dakwah yang terlibat disasarkan untuk mengumpul sebanyak 10,000 borang kaji selidik berkaitan pandangan Non-Muslim Terhadap Islam. Impak daripada kajian rambang yang dilaksanakan ini, dilihat mampu membantu MAIS khasnya dan masyarakat muslim amnya untuk berinteraksi lebih harmoni dengan masyarakat non-muslim.

Konvoi sukarelawan ini dilepaskan oleh Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS.



12 DISEMBER

1 DIS

Shah Alam – Y.A.M. Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj mewakili Sultan Selangor, telah sudi melancarkan Muallaf Care bertempat di Setia City Convention Centre pada 1 Disember yang lalu.

Pelancaran Muallaf Care ini menjadikan MAIS, Majlis Agama Islam Negeri yang pertama melaksanakan sistem menyeluruh dalam konteks penjagaan dan pengajaran bagi muallaf di negeri Selangor.

Program yang bertemakan We love Muallaf ini mendekatkan MAIS dengan muallaf bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada di tahap yang terbaik. Antara aktiviti program ini ialah Skuad Mesra Muallaf yang diwujudkan untuk memantau keperluan dan aduan oleh muallaf serta pemberian Skim Kad Perubatan Muallaf bagi setiap muallaf di tahun pertama pendaftaran pengIslaman.

Sementara itu, pada majlis yang sama turut diadakan majlis bagi meraikan pasangan pengantin muallaf berjumlah 30 pasangan terdiri daripada kaum Asli, India, Cina, Sabah, Sarawak dan Sikh.

Selain itu, Tengku Sulaiman Shah turut berkenan menyampaikan Bantuan Bina Rumah kepada muallaf berjumlah RM442 ribu dengan penerima bantuan seramai 10 orang, Bantuan Pelajaran berjumlah RM154 ribu melibatkan 8 orang penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10.2 juta. Pada tahun 2012, MAIS memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta bagi Bantuan Bina Rumah dan RM10.2 juta bagi Bantuan Pelajaran kepada muallaf.

Turut hadir Dato' Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS dan Setiausaha MAIS.



14 DIS

PULAU KETAM – Penduduk Islam Pulau Ketam terdiri daripada 4 buah keluarga Cina Muslim yang dikelilingi oleh masyarakat non Muslim. Kadar pertumbuhan penduduk Pulau Ketam ini meningkat dengan anggaran 5% setiap tahun di mana penduduk Islam merupakan kelompok minoriti yang masih terbelengu dengan cara hidup dan kebudayaan ajaran Buddha

Jesteru itu, bagi membina hubungan baik di antara masyarakat Cina Muslim dan Non Muslim di Pulau Ketam, satu Program Riang Ria Pulau Ketam telah diadakan bertempat di Pusat Kebudayaan Agama Buddha pada 14 - 16 Disember 2012 anjuran MAIS dengan kerjasama 100 orang sukarelawan dakwah terdiri daripada MACMA, Kader Dakwah MAIS, Panel Dakwah Mualaf, IIS, IKRAM dan Al-Hunafa.

Program yang diadakan selama 3 hari 2 malam ini bertujuan menjalinkan hubungan baik dengan Pimpinan Persatuan Non Muslim di Pulau Ketam bagi membentuk kerjasama yang lebih harmoni dalam kepercayaan dan agama.

Selain itu, melalui program yang dilaksanakan ini, dapat menolak persepsi negatif non muslim terhadap ajaran Islam yang dianuti oleh masyarakat muslim di sana.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program ini antaranya ialah pemeriksaan kesihatan, gusti tangan, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan memancing, kopek udang, pertandingan makan durian, memasak dan pertandingan catur cina serta permainan Painball dan Archery.

18 DIS

SABAK BERNAM – Seramai 126 orang peserta wanita dari Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS dan Rumah Pemulihan Al-Riqab di bawah MAIS telah mengikuti Program Hari Inovasi Pelatih Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS yang diadakan pada 18 Disember yang lalu.

Program sehari ini memberi peluang kepada pelatih-pelatih bagi mencungkil bakat dalam Amali Islam dan Kemahiran Vokasional.

Program ini dilaksanakan sebagai suntikan moral dan persaingan yang sihat antara penghuni Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, MAIS bersama penghuni pusat yang lain supaya lebih lebih proaktif dalam membebaskan diri daripada dibelengu masalah sosial yang dihadapi.

Antara acara yang dipertandingkan dalam program ini ialah Tilawah Al-Quran, Hafazan, Deklamasi Sajak, Kuiz Agama, Cerita Kisah Nabi, Masakan Peti Saji Misteri, Gubahan Kontemporari dan Jahitan.

Program ini turut disertai enam Rumah Pemulihan Al-Riqab di bawah MAIS antaranya ialah Kompleks Dar Assaadah, Kuala Lumpur, Raudhatus Sakinah, Sungai Buloh, PERKID, Hulu Langat, Baitul Islah, Bukit Beruntung, Darul Wardah, Jalan Kebun Klang, dan Darul Islah Lil Banat, Kapar Selangor selain daripada penghuni Baitul Ehsan, MAIS.

Juara keseluruhan dimenangi oleh Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan , tempat kedua, Baitul Islah, Bukit Beruntung, manakala di tempat ketiga dimenangi oleh PERKID, Hulu Langat.

Perasmian penutup disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Misri bin Haji Idris, Setiausaha MAIS.

22 DAN 23 DIS

SHAH ALAM – Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS telah sudi merasmikan penutupan Karnival Jom MAIS yang berlangsung selama 2 hari bermula 22 dan 23 Disember 2012 di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS.

Menurut Pengerusi MAIS, program sebelum ini dikenali sebagai Hari Mesra Pelanggan MAIS dan Anak Syarikat, kini diadakan dalam skala lebih besar dengan penglibatan Jabatan-jabatan luar selaras dengan inisiatif di dalam Pelan Transformasi MAIS.

"Saya percaya melalui karnival ini juga dapat meningkatkan bidang tugasan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan selama ini berurusan dengan kami," katanya ketika merasmikan majlis penutup karnival berkenaan.

Program yang berlangsung dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam ini turut menyediakan pelbagai kaunter informasi MAIS (Wasiat, Wang Tidak Patuh Syariah, Hibah) dan anak-anak syarikat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kumpulan MAIS Corporation (KMC) dan MAIS Zakat Sdn. Bhd (MZSB).

Orang ramai turut menyertai pelbagai aktiviti menarik sepanjang program berlangsung antaranya ialah acara Walk For Peace, Konsert Save Gaza yang menekankan konsep keamanan, Pidato Piala Pengerusi MAIS, Sembang Wakaf, Kempen Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan dan gerai-gerai jualan pelbagai produk Islam yang berkualiti dengan harga berpatutan daripada para asnaf di bawah kendalian MAIS Zakat Sdn. Bhd (MZSB).

Selain itu juga, program bagi kanak-kanak iaitu kehadiran Maskot Upin&Ipin, Pertandingan Mewarna Anakku Berbakat, Pertandingan Puzzle, Pertandingan Fesyenista Anakku Bergaya.

Turut disajikan Pertunjukan Paramotor oleh Pasukan Komando 69, Aksi Hero Malaysia (Demonstrasi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Program Karangkraf – Kuiz Tajwid, Book Mark Skill, Kuiz Menduga Akal, Pesta Durian (makan dan derma) dan lain-lain.

31 DIS

KAJANG – Seramai 200 pesalah HIV/AIDS telah menghadiri Forum Azam Baru Sempena Hari AIDS Sedunia 2012 anjuran MAIS dengan kerjasama Penjara Kajang dan Persatuan PENGASIH Malaysia pada 31 Disember yang lalu.

Program selama setengah hari itu merupakan program yang dianjurkan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS dikhususkan kepada golongan asnaf-asnaf Al-Riqab HIV/AIDS yang berada di Blok Harapan, Penjara Kajang.

Menerusi Forum Azam Baru ini ia dapat memberi perspektif baru kepada pesalah HIV/AIDS untuk menjadi masyarakat yang berguna agar terpelihara daripada terjebak semula dengan kegiatan yang tidak bermoral.

Forum Azam Baru ini diserikan dengan moderator oleh Y.Bhg. Datuk Mohd Yunus bin Pathi, Yang Dipertua PENGASIH, manakala barisan Ahli Panel oleh Dr. Mohamad Yazli bin Yuhana, (Hospital Sungai Buloh), Dr. Jahid bin Sidik, (Istana Budi) dan Encik Jaafar bin Daud (Koordinator HIV/AIDS, PENGASIH Malaysia).

Turut hadir, Dato' Haji Mohd Misri bin Haji Idris, Setiausaha MAIS dan Y.Bhg. Tuan Adnan bin Atan, Timbalan Pengarah, Penjara Kajang. Di akhir program, tetamu yang hadir dihiburkan persembahan artis oleh Radhi OAG dan Aris Ariwatan.



Keratan Akhbar & Senarai Kaunter

LAPORAN TAHUNAN 2011 & 2012

Sinar | 24 Mei 2011

Sultan Selangor hulur sumbangan

HULU LANGAT - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan bantuan bernilai RM238,000 kepada 53 mangsa tanah runtuh, semalam.

Sumbangan disampaikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kepada mangsa selepas baginda melawat lokasi kejadian.

Rumah kebajikan itu menerima sumbangan RM100,000, manakala waris kepada 16 mangsa menerima RM10,000 termasuk daripada Kerajaan Negeri.

Mereka terselamat menerima RM1,000 setiap seorang iaitu seramai 37 orang.

Dalam lawatan berlesan, Sultan Sharafuddin turut diberi taklimat oleh Pengarah Kawasan Kejuruteraan Cerun Ibhatan Kerja Raya (IKR), Prof Datuk Dr Ir Athaari Mohamad mengenai keadaan rumah kebajikan dan struktur tanah di kawasan berhampiran.

Selepas itu, Sultan Sharafuddin turut berangkat ke Hospital Ampang kira-kira jam 11.30 pagi untuk melawat sembilan mangsa lain yang dirawat di situ.



Sultan Sharafuddin bertanya khabar dan memberi sumbangan.



Mohamad Adzib (tengah) bersama anak-anak asnaf yang menerima anugerah cemerlang SPM tahun lepas.

MAIS peka isu pendidikan

MENUNTUT ilmu tugasan rasmi setiap Muslim. Ilmu terbahagi kepada dua; ilmu dunia dan ilmu akhirat. Kedua-dua ilmu berkenaan, di sisi Islam mempunyai kepentingannya malah Islam tidak pernah memisahkan ilmu agama dan ilmu dunia. Seseorang yang mahu berjaya, mestilah menguasai kedua-dua bidang ilmu itu.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku badan induk bagi perkembangan Islam di Selangor, memandang serius isu-isu berkaitan pendidikan.

Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, tanpa prasarana pendidikan yang berkualiti, semestinya umat Islam akan ketinggalan dalam segala bidang.

Menurutnya, dengan keupayaan yang ada, MAIS akan berusaha memperkasa bidang ilmu di negeri ini seperti menubuhkan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Saban tahun, kolej ini berjaya melahirkan graduan yang kini menempati pelbagai sektor pekerjaan, termasuklah di badan induk itu sendiri dan di Lembaga Zakat Selangor (LZS).

"Adanya LZS, maka MAIS dapat memastikan mutu pendidikan terus berjalan seiring dengan keperluan. Ini kerana, kutipan zakat mampu membantu MAIS menyediakan pelbagai kecanggihan pendidikan, misalnya KUIS menerima dana zakat yang besar iaitu kira-kira RM12 juta setahun bagi membantu pelajar terutama anak-anak asnaf mendapatkan kemudahan pendidikan kelas pertama dan beroleh keputusan cemerlang," katanya ketika berucap sempena Majlis Anugerah Anak Asnaf MAIS Cemerlang dan Bayaran Zakat Perniagaan di Shah Alam, baru-baru ini.

Beliau berkata, pengurusan zakat yang cemerlang mampu melestarikan keperluan dalam bidang pendidikan.

"Kita lihat kecemerlangan LZS dalam soal pengurusan zakat di mana mampu membiayai ramai anak asnaf dari peringkat pra sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi, sama ada dalam mahu pun di luar negara," katanya.

Katanya lagi, hasrat MAIS dan pembayar zakat mahu melihat bilangan fakir dan miskin berkurangan melalui penjanaan ekonomi dan pendapatan dan mampu membayar zakat.

"Ini bermakna bantuan diberikan bukanlah untuk selamanya kerana zakat bertujuan membangun asnaf dan anak-anak dalam mengukuhkan ekonomi keluarga.

Sinar | 18 Julai 2011

Syarikat Kumpulan Naza serah dana wakaf RM20 juta

SHAH ALAM - Syarikat Kumpulan Naza telah menyerahkan sebidang tanah bernilai RM5 juta dan dana wakaf khas bernilai RM 20 juta kepada Majlis Agama Islam Selangor (Mais) semalam.

Cek berkenaan disampaikan oleh Presiden Syarikat-Syarikat Kumpulan Naza, Datuk SM Shalahuddin SM Amin yang juga Penaung kepada Jawatankuasa Pembangunan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU), Hulu Langat kepada Pengerusi Mais, Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa pada satu majlis ringkas berlangsung di Pejabat Mais, di sini.

Turut hadir Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Datuk Ramli Mhmud.



SM Shalahuddin (dua, kiri) menyerahkan cek kepada Mohd Adzib, semalam.

Mohd Adzib selaku pemegang amalan tunggal wakaf di Selangor berkata, pihaknya akan menjaga dana berkenaan bagi manfaat pembangunan madrasah berkenaan.

Menurutnya, dana wakaf berkenaan akan diletakkan dalam satu tabung khas yang akan dipantau dan diuruskan pengeluaran wangnya mengikut syarat dan kehendak pewakaf bagi membangunankan MTMU.

"Ini adalah sumbangan terbesar diterima Mais sebagai pemegang amanah dan diharap dapat memberi kemudahan lengkap kepada pelajar sekaligus menampung pelajar," katanya.

Sinar | **26 Julai 2011**

MAIS dapat dana wakaf RM20 juta

Tokoh korporat serah tanah bernilai RM5j majukan pembangunan MTMU



MOHAMAD ADZIB (kiri) menerima replika cek dana dan tanah wakaf yang disampaikan oleh SM Shalahuddin di Shah Alam.

Sumbangan yang diterima menjadikan jumlah dana terkini RM20.25 juta dan MTMU masih memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk merealisasikan projek ini

Mohamad Adzib Mohd Isa

Berita Harian | **27 Julai 2011**

Kumpulan SMS sumbang dana bina madrasah tahfiz

SHAH ALAM 26 Julai - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima sumbangan dana wakaf khas bernilai RM20 juta dan 3.95 hektar tanah bernilai RM5 juta bagi membangunkan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU) di Jalan Kuari Sungai Long, Hulu Langat dekat sini.

Dana wakaf dan tiga bidang tanah itu diumumkan oleh ahli perniagaan terkenal dan pemilik SMS Group, Datuk SM Shalahuddin SM Amin yang juga penasihat dan penaung Jawatankuasa Pembangunan MTMU.

MAIS selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Selangor yang diwakili pengerusinya, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa menerima sumbangan yang diberikan SM Shalahuddin dengan disaksikan Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, Datuk Ramli Mahmud.

Dana wakaf itu akan diletakkan dalam satu tabung khas yang akan dipantau dan diurus oleh pengeluaran wangnya mengikut syarat dan kehendak pewakaf.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan MTMU, Ismail Mahmood berkata, keseluruhan projek untuk membangunkan MTMU yang terletak di atas tanah seluas 9.75 hektar menelan belanja RM37 juta.

Beliau berkata, dana kutipan yang terkumpul sehingga 30 Jun lalu termasuk RM20 juta yang disumbangkan hari ini adalah sebanyak RM20.35 juta.

Ini bermakna, kata beliau, pihaknya masih memerlukan RM16.65 juta untuk merealisasikan projek pembangunan MTMU ini yang bakal menempatkan sejumlah 1,200 orang pelajar Islam tempatan dan dari negara minoriti Islam seperti Kemboja, Laos, Thailand dan China.

"Cadangan pembangunan MTMU melibatkan masjid dua setengah tingkat, dua blok rumah berkembar setingkat dan tiga blok kuarters tiga tingkat untuk guru dan kakitangan dan dua blok dewan makan.

"Turut akan dibina ialah satu blok asrama empat tingkat untuk 800 pelajar lelaki, blok asrama untuk 400 pelajar perempuan dan blok dua tingkat untuk pejabat pentadbiran, bilik guru dan akademik.

"Pembangunan MTMU hingga fasa kedua dijangka akan mengambil masa 23 bulan mulai Februari 2011 dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2012," kata beliau semasa memberikan taklimat media di sini semalam.

Tambah beliau, sumbangan untuk MTMU boleh dibuat atas nama Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum di nombor akaun Maybank iaitu 5623-8411-7392 atau Bank Islam (1209-2010-031537) atau menghubungi talian 019-398 6563 atau 012-3106128.



MOHAMAD Adzib Mohd. Isa (kiri) menerima dana wakaf khas bagi pembinaan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum (MTMU) di Hulu Langat daripada SM Shalahuddin SM Amin (kanan) di Shah Alam, kelmarin.

Utusan | **27 Julai 2011**

Skim Infaq galak penjawat awam, swasta amalkan wakaf

SHAH ALAM – Kakitangan awam dan swasta digalak menyertai Skim Infaq iaitu skim potongan gaji wakaf anjuran Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengumpul dana meningkatkan kemudahan seperti sekolah agama dan masjid.

Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, Datuk Ramli Mahmud berkata, skim tersebut merupakan penjenamaan baru daripada Saham Wakaf Selangor bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang tanggungjawab wakaf.

Menurutnya, program itu adalah salah satu rancangan yang terdapat dalam Bulan Wakaf negeri Selangor.

"Sejak mula diperkenalkan pada 2009 melalui Saham Wakaf Selangor dan dijenamakan semula melalui Skim Infaq, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan.

"Dianggarkan hanya 10 peratus masyarakat Selangor yang terlibat dalam program itu dan PWS sedang menggiatkan usaha meningkatkan kesedaran melalui seminar dan taklimat," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Katanya, skim ini tidak hanya memfokuskan kepada golongan berpendapatan tinggi tetapi turut membolehkan penglibatan golongan sederhana dan kurang berkemampuan melalui pemotongan gaji serendah RM5 sebulan.

Beliau berkata, objektif yang ingin dicapai melalui program adalah menyeru masyarakat untuk menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf serta menjadi penggerak kepada ekonomi umat Islam.

Semalam, PWS menganjurkan Wacana Intelektual Wakaf dan pelancaran Skim Infaq kepada lebih 200 wakil kakitangan Kerajaan Negeri setiap daerah di Masjid Negeri.

Majlis dirasmikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi. Hadir sama Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Setia Mohd Adzib Mohamad Isa.



Ramli (dua, kanan) bersama Khusrin semasa pelancaran program, semalam.

> **"Sejak mula diperkenalkan pada 2009 melalui Saham Wakaf Selangor dan dijenamakan semula melalui Skim Infaq, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan."**
>
> **Ramli**

Sinar | **03 Ogos 2011**

Mais bantu penghidap HIV

SHAH ALAM – Majlis Aids Malaysia (MAM) menjalin kerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) bagi merangani isu sosial, kebajikan dan masyarakat mengenai HIV/AIDS.

Menurut Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata, MAM dan Mais memperkukuhkan kerjasama dalam memperlengkapkan fungsi MAM dalam program sokong bantu kepada mereka yang hidup dengan melalui bantuan Baitulmal dan Ar- Riqab.

"Antara inisiatif bersama yang pernah dijalankan termasuklah majlis, kempen media dan program kerohanian yang melibatkan program temu seru untuk komuniti terpinggir," katanya.

Hasil kerjasama tersebut, beberapa program efektif dianjurkan, antaranya ialah Hari Memperingati AIDS Sedunia (IAMD) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada 13 Mei lalu.

Mais antara majlis agama yang tampil membantu dengan membiayai bantuan rumah perlindungan melalui kutipan zakat.

Dua rumah perlindungan ditubuhkan iaitu Rumah Istana Budi di Kuang dan Rumah Darul Uldrwah di Petaling Jaya.

Kedua-duanya menempatkan seramai 50 orang yang dibiayai sepenuhnya oleh Mais dengan menelan belanja sebanyak RM750,000 setahun.

Dalam pada itu, Mais kini merancang menubuhkan rumah perlindungan HIV yang boleh menempatkan lebih ramai lagi komuniti terpinggir dalam Projek Baitul Ihsan.

Sinar | **12 Ogos 2011**

Lima ahli baru Mais terima watikah

Lima ahli baru Mais :



Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Emran Kadir



Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor, Datuk Ramli Mahmud



Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Madya Datuk Mohd Mokhtar Shafii



Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Unisel, Prof Dr Mujaini Tarimin



Pengerusi Jabatan Agama Islam Selangor, Marzuki Hussin.

SHAH ALAM – Sultan Selangor,SultanSharafuddin Idris Shah menguniakan watikah pelantikan kepada lima muka baru sebagai ahli MajlisAgamaIslamSelangor (Mais) bagi sesi 2012 hingga 2014 termasuk 15 ahli Mais sedia ada bertempat di Bilik Singgahsana, Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

Penguniaan watikah pelantikan itu dibuat mengikuti Seksyen 11 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2011 bahawa majlis hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan seorang timbalan pengerusi.

Kemudian, lima anggota atas nama jawatan hendaklah terdiri daripada individu yang pada masa itu memegang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti dan Ketua Polis Negeri.

Manakala selebihnya tidak lebih daripada lapan anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam hukum syarak.

Sinar Harian | **09 Disember 2011**


Sertailah Perkhidmatan MAIS!!!
MAIS Ada.....
Majlis Agama Islam Selangor
Wakaf
Menerima Wakaf Tanah & Bangunan
Wasiat
Mengurus Wasiat Anda
Saham Wakaf Selangor
Wakaf Tunai melalui Perbadanan Wakaf Selangor
Hibah
Pemegang Amanah bagi Pemberian & Sedekah Anda
Luqatah
Menerima Harta Yang Dijumpai
Tanah & Bangunan
Untuk Disewa
Sumbangan Anak Yatim
Penerima Sumbangan untuk Anak Yatim
Wang Tidak Patuh Syariah
Wang Syubhah / Wang Haram
untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5514 3400 samb. 3570 / 3773 / 2191 / 2187
Faks: 03-5512 4042
Laman web: www.mais.gov.my e-mail: zare@mais.gov.my
PERBADANAN WAKAF SELANGOR
Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5514 3400 samb. 3759

SENARAI **KAUNTER-KAUNTER**

SENARAI KAUNTER-KAUNTER PENGURUSAN HARTA BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

BAHAGIAN HARTA BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel : 03-5514 3773 / 3570 / 2190
No. Faks : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH KLANG
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG
Tingkat G dan 1, Bangunan Pejabat Kerajaan,
Jalan Kota, 41000 Klang.
No. Tel : 03-3372 6924 / 2166

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH KUALA LANGAT
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA LANGAT
Sungai Manggis,
42700 Banting.
No. Tel : 03-3187 5134

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH HULU LANGAT
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT
Kompleks Islam Hulu Langat, Persiaran Kemajuan,
Seksyen 16,
43650 Bangi.
No. Tel : 03-8920 2209

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH KUALA SELANGOR
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA SELANGOR
45000 Kuala Selangor.
No. Tel : 03-3289 1393

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH HULU SELANGOR
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU SELANGOR
Kuala Kubu Bharu,
44000 Hulu Selangor.
No. Tel : 03-6064 3402

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH SEPANG
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SEPANG
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang.
No. Tel : 03-8706 2943

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH GOMBAK
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH GOMBAK TIMUR
Jalan AU2A/17, Taman Sri Keramat,
54200 Kuala Lumpur.
No. Tel : 03-4252 6080

UNIT HARTA BAITULMAL DAERAH SABAK BERNAM
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SABAK BERNAM
Jalan Parit Satu Timur,
45300 Sungai Besar.
No. Tel : 03-3224 1529

NOTA

Unit Penerbitan,
Bahagian Perhubungan Awam,
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),
Aras 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : **+603.5514 3755**
Faksimili : **+603.5512 4042**

atau hantarkan e-mel kepada :
pro@mais.gov.my

atau lawat laman web kami di :
http://www.mais.gov.my

| amanah•**prihatin**•mesra |

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Aras 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5514 3400 Faks : 03-5512 4042
E-mel : pro@mais.gov.my
w w w . m a i s . g o v . m y